

JURNAL ANTARABANGSA PENGAJIAN KEPULAUAN MELAYU JIL. 5 BIL. 02 (2025)
INTERNATIONAL JOURNAL OF MELAYU ARCHIPELAGO STUDIES



**SEJARAH PERKEMBANGAN DAN PERJUANGAN UMNO KELANTAN
DALAM KELANGSUNGAN POLITIK MALAYSIA
11 MEI 1946 HINGGA 11 MEI 2020**

Dr .Mustafa bin Ahmad¹
Lulusan Doktor Falsafah (Sejarah)
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENDAHULUAN

Dimensi kajian ini secara sepintas lalu akan menyentuh sejarah perkembangan dan perjuangan UMNO Kelantan selama hampir 77 tahun tempohnya. Bermulanya kajian ini pada era penubuhan parti tersebut daripada 11 Mei 1946 serta berakhir pada 11 Mei 2020. Turut disentuh dalam kajian ini ialah sejarah perkembangan dan perjuangan UMNO Kelantan pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang berlangsung pada 10 Mei 2018, apabila pengkaji secara khusus telah mendedahkan fakta-fakta tentang punca-punca kekalahan, permasalahan, kelemahan, serta kegagalan, parti tersebut untuk menubuhkan Kerajaan Negeri di Kota Darulnaim,² meskipun mempunyai ”*advantage*” atau jendela peluang yang sangat terbuka serta seimbang untuk menawan negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia tersebut. Hal ini

¹Dr. Mustafa bin Ahmad berkelulusan Phd (Sejarah) Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tesisnya bertajuk “Politik Kelantan Zaman Barisan Nasional 1974-1990”. Beliau kini merupakan Penggawa Daerah Semerak dalam Jajahan Pasir Puteh. Berpengalaman berkhidmat sebagai Penggawa di Daerah Gunong dalam Jajahan Bachok, Salor dalam Jajahan Kota Bharu, Gual Periook dalam Jajahan Pasir Mas, Bekelam dalam Daerah Bachok dan Galas dalam Jajahan Gua Musang.

²

Kota Darulnaim merupakan pusat pentadbiran utama Kerajaan Negeri Kelantan bermula pada tahun 1986.

berdasarkan pertandingan tiga penjurong di antara Barisan Nasional (BN), Parti Islam SeMalaysia (PAS), serta Pakatan Harapan.³

Semenjak penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946 dan penubuhan semula UMNO pada 16 Februari 1988, parti tersebut di Kelantan didapati tidak pernah berkongsi sejarah yang sama sebagaimana rakan-rakannya di negeri-negeri lain dalam Persekutuan Malaysia. Sebaliknya ketika UMNO di negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia pernah mendominasi kuasa pentadbiran secara politik akomodasi sehingga PRU2008, UMNO Kelantan mempunyai sejarah politik yang unik, kelainan, kontroversi, serta sering mengharapkan bantuan untuk mencari jalan keluar daripada kemelut politik yang dihadapinya tidak-tidak putus. Faktor-faktor tersebut menyebabkan UMNO Kelantan seolah-olah tidak mempunyai kekuatan daya saing dalam kelangsungan sejarah politik negeri tersebut. Sebaliknya, apa yang berlaku dalam UMNO Kelantan ialah pemimpin-pemimpin bersifat *micropolitics* dengan melakukan aksi politik, demi mengekalkan pengaruh dan kuasa dalam kelangsungan parti itu. Situasi ini yang menjadikan UMNO Kelantan sebagai parti pembangkang, apabila Kelantan merupakan negeri pertama dalam Persekutuan Malaya yang terlepas ke tangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum 1959 bersama Terengganu.

Malah, pada suatu ketika UMNO Kelantan pernah mencatatkan sejarah tersendiri, apabila parti yang diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar itu telah terkubur buat seketika di Negeri Cik Siti Wan Kembang pada awal tahun 1950-an, sebelum dihidupkan semula. Oleh hal yang demikian, UMNO Kelantan mempunyai sejarah menarik yang perlu diselidiki oleh sarjana-sarjana sejarah politik tempatan serta asing berdasarkan keunikan-keunikan atau keistimewaan-keistimewaan tersendiri yang dimilikinya dari era penubuhan sehingga kontemporari.

SEJARAH UMNO KELANTAN SEPINTAS LALU.

Sebagaimana telah diketahui umum, Kelantan sebuah negeri mempunyai sejarah politik penuh dengan keunikan tersendiri, masyarakat dikatakan sebagai “*closed society*”, tetapi dikatakan mempunyai pemikiran paling terbuka dalam kelangsungan politik negara ini berbanding

3

Dalam PRU14 berlangsung 10 Mei 2020, Pakatan Harapan yang terdiri daripada calon-calon Parti Amanah Negara (Amanah), Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) telah bersetuju pada dasarnya menggunakan lambang PKR sebagai simbol bersama.

negeri-negeri lain di Persekutuan Malaysia. Situasi ini berdasarkan masyarakat negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia telah menukarkan kerajaan beberapa kali sejak negara mencapai kemerdekaan. Pertukaran kerajaan ini membolehkan Kelantan telah berada di bawah pentadbiran PAS selama dua kali. Tahun-tahun 1959 hingga 1978 dianggap sebagai fasa 1 dengan Ishak Lotfi Omar (1959 hingga 1964), Mohd Asri Haji Muda (1964 hingga 1973), Ishak Lotfi Omar (1973 hingga 1974) dan Mohammad Nasir (1974 hingga 1978) sebagai menteri besar. Manakala tahun-tahun 1990 hingga kontemporari dianggap sebagai fasa II dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat (1990 hingga 2013) dan Ahmad Yakub (2013 hingga kontemporari) sebagai Menteri Besar Kelantan. Dalam politik Kelantan, UMNO sebagai parti pembangkang pernah mentadbir Kelantan selama 12 tahun (1978 hingga 1990) dengan Mohammad Yaacob sebagai menteri besar dan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan parti tersebut sehingga 1984. Tempoh pentadbiran UMNO yang singkat berpunca daripada perangai politik masyarakat negeri tersebut yang dilihat sebagai lebih serasi dengan PAS. Walaupun parti yang dikatakan agak lewat bertapak di Kelantan dikatakan mengamalkan politik “*holier than you*” bersesuaian dengan jiwa raga masyarakat negeri tersebut. Berbanding perangai politik para pemimpin UMNO Kelantan dilihat sebagai “*warlord-warlord*” hanya berminat mendapatkan kuasa dan mengumpul kekayaan untuk ekonomi peribadinya di bahagian-bahagian masing-masing berbanding dengan idealisme sebuah perjuangan dalam parti.⁴ Malah dikatakan kemahiran-kemahiran yang ada kepada para pemimpin UMNO Kelantan ialah mengkritik pihak lawan, setelah disingkirkan sebagai calon dalam pilihan raya, melompat parti dan bahagian dalam parti tersebut sehingga semua kenegatifan para pemimpin pihak lawan didedahkan secara terbuka melalui media-massa, media-sosial, ucapan-ucapan, agen-agen serta ceramah-ceramah kepada khalayak masyarakat umum.⁵

Sebagaimana telah diketahui umum, UMNO Kelantan adalah sebahagian daripada entiti UMNO Malaysia yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946. Namun begitu harus diakui UMNO Kelantan tidak pernah berkongsi sejarah kejayaan cemerlang bersama UMNO Malaysia sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd Ali Kamaruddin (2004) dan Mustafa Ahmad (2009) dalam beberapa

⁴Fail Timbalan Menteri Besar Kelantan. 6582/1/30.-Surat Puak Anak Buah Tok Janggut Kelantan Kepada Tuan Haji Ariffin Said, Timbalan Menteri Besar Kelantan yang bertarikh 17 Januari 1984.

⁵Surat Hussein Ahmad, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang kepada KDYMM Al-Sultan Kelantan.tt.

kajiannya. Ketika UMNO Malaysia pernah mendominasi kuasa pentadbiran atau pemerintahan secara politik akomodasi, UMNO Kelantan mempunyai sejarah politik yang amat malang, unik, berlainan, kontroversi dan sentiasa mengharapkan sokongan terutamanya daripada para pemimpin UMNO Malaysia yang mendominasi Kerajaan Persekutuan dalam menyelesaikan kemelut politik yang dihadapinya sepanjang sejarah penubuhannya seperti Tunku Abdul Rahman Putra (1951-1964), Tun Abdul Razak Hussein (1967-1971) dan Tun Dr. Mahathir Mohamad (1991-1999) yang pernah menjawat jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Kelantan.⁶ Hal ini sekaligus menyebabkan UMNO Kelantan seolah-olah sebuah parti yang tidak berdaya saing dalam sejarah perjuangannya, kerana para pemimpinnya mempunyai perangai politik sebagaimana “*warlord-warlord*”, sering bersifat mikropolitik demi mengekalkan pengaruh, dominan serta kuasa di bahagian masing-masing (Mustafa Ahmad 2009: 81).

Dalam mengkaji sejarah penubuhan serta perkembangan UMNO Kelantan yang amat unik, kontroversi, penuh dengan polemik serta kemelut politik ini, pengkaji akan membahagikan sejarah perjuangan UMNO Kelantan kepada lima tahap untuk memudahkan kajian. Lima tahap yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah sebagaimana berikut:

- i. Era Awalan UMNO Kelantan (11 Mac 1946 - 27 Julai 1955).
- ii. Era Kebangkitan UMNO Kelantan (27 Julai 1955 - 20 Julai 1959).
- iii. Era Kelemahan UMNO Kelantan (20 Julai 1959 - 11 Mac 1978).
- iv. Era Kebangkitan Semula UMNO Kelantan (11 Mac 1978 - 21 Oktober 1990)
- v. Era Kelemahan Semula UMNO Kelantan (21 Oktober 1990 - 11 Mei 2020).

Era Awalan UMNO Kelantan (11 Mei 1946 - 27 Julai 1955)

Sebelum diteruskan perbincangan tentang penubuhan UMNO Kelantan, terlebih dahulu adalah lebih baik dilihat tentang aliran kronologi perkembangan dalam kelangsungan politik negeri itu pra dan pasca Perang Dunia Kedua. Perbincangan ini akan memperlihatkan kesinambungan pertubuhan-pertubuhan berbentuk kemasyarakatan yang kemudiannya merupakan asas kepada

⁶Era Tengku Razaleigh Hamzah memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan daripada tahun-tahun (1971-1984), UMNO Kelantan dilihat setanding dengan UMNO negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia. Walau bagaimanapun era Putera Raja Kelantan memegang Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan daripada tahun-tahun (1999-2000), parti tersebut dilihat gagal menonjol berikut “politik dalam politik” Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk “menuetralkan” hayat kelangsungan politik Tengku Razaleigh Hamzah. Situasi ini dilihat berdasarkan PRU1999, apabila UMNO hanya mampu menang kawasan Parlimen Gua Musang serta DUN Galas dan Paloh.

penubuhan UMNO Kelantan. Sebelum Perang Dunia Kedua beberapa pertubuhan kemasyarakatan, antaranya ialah Putera Kelab, Setiawan Budi, Dewan Bahasa Melayu dan Persatuan Suara Muda telah wujud dan memberi kesedaran politik dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Ditambah pula kemunculan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada akhir tahun 1930-an telah menyedarkan masyarakat Melayu Kelantan tentang kesedaran berpolitik yang begitu mendalam. Kesedaran berpolitik itu kemudiannya telah terbantut ketika pemerintahan Jepun antara tahun 1941 hingga 1945.

Penglibatan masyarakat Melayu Kelantan dalam kelangsungan politik hanya dapat dilihat dengan nyata pasca Perang Dunia Kedua. Kelangsungan politik ini dapat dilihat dengan penubuhan Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (PPMK), Pertubuhan Rumaja Pemimpin (PERUPA) Persatuan Melayu Kelantan (PMK), Pemuda Asuhan Berkerjasama, dan Ikatan Suara Pemuda (ISP). Kemunculan Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (PPMK) yang dianggotai oleh golongan elit tradisional Melayu yang berpendidikan Inggeris menandakan bermulanya satu zaman baru dalam kelangsungan sejarah intelegensia Melayu Kelantan (Mustafa Ahmad 2009).

PPMK menjadi pelopor kepada kelangsungan politik masyarakat Kelantan untuk menentang gagasan Malayan Union yang diperkenalkan oleh kolonialisme Inggeris. Pertubuhan berbentuk separa politik ini yang disertai oleh golongan lepasan Sekolah Melayu dan Sekolah Agama Rakyat mulai aktif menjelang pendudukan Jepun itu berasa tercabar dengan rancangan gagasan Malayan Union. Begitu juga PPMK turut menentang gagasan Malayan Union. Kedua-dua pertubuhan ini merupakan pertubuhan yang penting di Kelantan yang memainkan peranannya untuk menggagalkan penubuhan gagasan Malayan Union serta menyedarkan masyarakat Kelantan tentang keburukan gagasan itu yang akan merugikan masa depan bangsa Melayu dalam kelangsungan politik negara ini. Bermula dari sini, para pemimpin Melayu Kelantan mulai sedar tentang mustahaknya masyarakat Melayu yang bersatu padu, menjaga status serta kedaulatan mereka sebagai teras politik di negara ini (Nik Mohamed Nik Mohamed Salleh 1986; Rosmaini Yusoff 1996/97).

Dalam usaha untuk menggagalkan gagasan konsep Malayan Union yang diperkenalkan oleh kolonialisme, PPMK telah mengutuskan sepucuk surat kepada Sultan Kelantan untuk mengingatkan baginda supaya tidak menandatangani gagasan konsep Malayan Union. PPMK

juga melancarkan gerakan-gerakan penerangan kepada masyarakat Kelantan tentang bahayanya gagasan konsep Malayan Union terhadap bangsa Melayu. Sikap serta pendirian masyarakat Melayu Kelantan yang kukuh dapat dilihat apabila pada 15 Disember 1945, tidak kurang dari 30,000 orang telah melakukan demonstrasi, sebaik sahaja Sir Harold Mac Micheal menjejaskan kakinya di Kota Bharu bagi mendapat persetujuan Sultan Kelantan mengenai penubuhan gagasan Malayan Union (Ramlah Adam 1978)

Kesedaran ini bukan sahaja wujud di Kelantan tetapi di keseluruhan negeri-negeri lain juga di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu. Justeru atas kesedaran ini, Dato' Onn Jaafar telah memainkan peranannya untuk mendapat sokongan daripada semua masyarakat Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Berikutan itu, satu Kongres Melayu SeMalaya kemudiannya diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. PPMK dan PMK masing-masing telah menghantar wakil-wakil mereka ke kongres paling bersejarah itu. Antara resolusi kongres itu ialah menubuhkan satu pertubuhan politik yang bersifat kebangsaan untuk menjaga kepentingan maruah dan memartabatkan orang-orang Melayu yang selama ini berpecah-belah sebagai sebuah bangsa yang mempertahankan dan memajukan kepentingan secara bersama di tanah tumpah darah mereka melangkaui ruang lingkup semangat kenegerian masing-masing. Pertubuhan politik tersebut telah dinamakan PERKEMBAR atau nama dalam bahasa Inggerisnya ialah UMNO pada 11 Mei 1946 dengan Onn Jaafar dilantik sebagai Yang Dipertua Agung parti itu.⁷

Sementara itu para pemimpin Melayu Kelantan mulai menyedari bahawa mereka tidak mempunyai keupayaan untuk berjuang bersendirian bagi memastikan hak orang-orang Melayu tidak terus dihakis. Mereka harus menggembelngkan tenaga bersama rakan-rakan mereka di seluruh Tanah Melayu untuk mencapai matlamat tersebut. Oleh itu, satu Kongres Melayu

⁷Pada awalnya singkatan, UMO (United Malays Organisation) dicadangkan oleh Haji Annuar Haji Abdul Malek, seorang Ahli Lembaga Kesatuan Melayu Johor dan Persatuan Melayu Johor. Cadangan beliau diutarakan pada 22 Januari 1946 dalam perbincangan dengan Dato' Onn Jaafar, Noah Omar, Syed Abdul Rahman Ahmad, dan Syed Alwee Al-Hadi di rumah Noah Omar. Pada 1-4 Mac 1946 dalam Kongres Melayu Se-Malaya Pertama (Abdullah Zakaria Ghazali 1993: 27-31) yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Za'ba dari Persatuan Melayu Selangor telah menambah perkataan 'Kebangsaan' atau 'National' daripada UMO menjadi UMNO. Pada 29 Mac 1946, Onn memanggil anggota pertubuhan untuk menghadiri kongres tergempar (Kongres Melayu Se-Malaya Kedua) yang diadakan di Penang Peranakan Club, Kuala Lumpur. Tujuan kongres ini adalah untuk membincangkan penentangan Malayan Union. Pada 11 Mei 1946 dalam Kongres Melayu Se-Malaya Ketiga yang diadakan di Istana Besar Johor Bharu, UMNO telah ditubuhkan dengan rasminya (Abdullah Zakaria Ghazali 1993: 40).

Se-Malaya yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur turut dihadiri oleh beberapa wakil dari Kelantan. Tiga orang wakil dari PPMK yang telah menghadiri kongres tersebut ialah Haji Fadlullah Suhaimi, Ishak Lotfi Omar, dan Ismail Ibrahim. Manakala wakil dari Persatuan Melayu Kelantan pula terdiri daripada Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud, Haji Ahmad Maher Ismail, dan Ismail Ibrahim (Mohd Zain Salleh 1985; Nik Mohamed Nik Mohamed Salleh 1986). Kesemua mereka inilah merupakan pemimpin-pemimpin yang telah membawa asas kepada penubuhan UMNO Kelantan secara tidak langsung (Nik Mohamed Nik Mohamad Salleh 1986).

Terdapat pelbagai pendapat tentang bilakah tarikh sebenarnya penubuhan UMNO Kelantan. Menurut Mohd Ali Mohamed (1976), Mohd. Zain Salleh (1985), dan Masriati Shapin (2009), UMNO Kelantan ditubuhkan dalam tahun 1946. Ini berdasarkan kepada beberapa faktor, iaitu PMK dibubarkan serentak dengan tertubuhnya UMNO Malaya. PMK kemudiannya menjadi ahli gabungan kepada UMNO Malaya bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan negeri-negeri lain yang hadir di Kongres Melayu SeMalaya. Pada 11 dan 13 Mei 1947, Perhimpunan Agung UMNO telah diadakan di Istana Balai Besar, Kota Bharu. Dalam perhimpunan tersebut itu, istiadat menaikkan bendera UMNO juga telah diadakan sewaktu menyambut ketibaan para perwakilan parti tersebut daripada seluruh Semenanjung Tanah Melayu.

Nik Mohamed Nik Mohamad Salleh (1986) dan Mustafa Ahmad (2009) pula berpandangan UMNO Kelantan telah ditubuhkan pada akhir tahun 1949 kerana pada Perhimpunan Agung UMNO di Seberang Prai, Pulau Pinang pada 27 hingga 28 Ogos 1949, buat pertama kalinya perwakilan-perwakilan dari Kelantan iaitu Tengku Mahmood Mahyiddin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin (Putera kepada Sultan Pattani terakhir, Tengku Abdul Kadir Kamaruddin ibni Tengku Sulaiman Shariffuddin) dan Othman Mat Udin dari Tumpat telah mengahdirinya. Apa yang penting yang dapat dikatakan ialah UMNO Kelantan sebenarnya telah ditubuhkan pada tahun 1946 tetapi tidak mempunyai struktur pentadbiran organisasi yang agak teratur untuk menjalankan aktiviti-aktiviti politik dengan lebih mantap, tersusun, kemas dan berkesan dalam mengembangkan pengaruh parti itu.

Bermula tahun 1949 barulah struktur pentadbiran organisasi dapat disusun semula serta menjadikan UMNO Kelantan dapat berfungsi dengan lebih pro-aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dengan lebih mantap lagi dengan kewujudan beberapa bahagian UMNO di Kelantan, iaitu di Kota Bharu, Tumpat, Bachok, Ulu Kelantan, Pasir Mas, Kuala Krai, Pasir Putih dan Tanah Merah. Walau bagaimanapun, kemantapan atau keteguhan UMNO Kelantan tidaklah berpanjangan apabila berlaku krisis kepimpinan yang memaksa Dato' Onn Jaafar meninggalkan parti pada tahun 1951 dan golongan elit tradisional Melayu Kelantan antaranya Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud, adindanya Nik Mustapha Fathil Nik Mahmud, Abdul Hamid Mahmud, Nik Hussein Zainal dan Tengku Anwar Tengku Zainal Abidin (bapa saudara kepada Tengku Razaleigh Hamzah) juga turut meninggalkan UMNO Kelantan dan seterusnya bersama-sama pemimpin dari Johor itu dalam menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP). Impaknya, UMNO Kelantan terus lumpuh dan lenyap dari bumi Negeri Pantai Timur Semenanjung buat sementara waktu. Berdasarkan kepada apa yang berlaku, UMNO Kelantan adalah satu-satunya badan perhubungan di Malaysia yang pernah mengalami sejarah mati tidak berkubur (Mohd Ali Kamaruddin 2004: 55-56).

Sesungguhnya, masalah-masalah yang dihadapi oleh UMNO Kelantan ini amat membimbangkan pucuk pimpinan UMNO Pusat di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra. Hal ini disebabkan dua parti serpihan UMNO, iaitu PAS dan Parti Negara mulai mendapat tempat di kalangan masyarakat Kelantan dan pilihan raya ke arah Persekutuan Tanah Melayu berkerajaan sendiri pula akan diadakan pada tahun 1955. Sebaliknya, UMNO Kelantan pula sedang berhadapan dengan kehilangan organisasi jentera untuk bergerak bagi menghadapi Pilihan Raya Umum 1955, akibat daripada tindakan golongan elit tradisional membawa jentera yang sedia ada itu bersama-sama ke dalam Parti Negara. Oleh yang demikian, pihak UMNO pusat tidak mempunyai pilihan selain daripada melibatkan diri secara langsung di dalam usaha memulih dan menghidupkan kembali UMNO Kelantan. Sehubungan dengan itu, dalam usaha tersebut kepimpinan UMNO Pusat telah menghantar Syed Jaafar Albar dan Saadon Jubir untuk menyusun semula struktur pentadbiran UMNO Kelantan, agar setanding dengan UMNO negeri-negeri lain (Nur Azuki Yusoff 2006: 268).

Kedua-dua pemimpin ini mengambil kesempatan menemui para pemimpin muda Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan (GPPMK) seperti Abu Bakar Al-Ahmadi, Nik Hassan Nik Daud, Nik Hassan Nik Yahya, Abdul Majid Tahir, Rahim Akib, Jaflus Haji Yusoff, Hamzah Ghani, Nik Mohammed Amin Ali, Yusoff Zaki Yaacob, dan Mohamad Zain Daud supaya menerima UMNO Kelantan sebagai wadah perjuangan politik mereka dan menggunakan pertubuhan pemuda itu sebagai jentera untuk menyebarkan UMNO ke seluruh negeri Kelantan. Antaranya kawasan Bachok melalui Abdul Samad Ibrahim seorang penulis petisyen Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok, Pasir Putih melalui Mohamad Idris seorang guru, Kota Bharu melalui Nik Hassan Nik Yahya seorang ahli perniagaan terkenal, Tanah Merah melalui Mohd Daud Jamil seorang guru yang berasal daripada Perak, Tumpat melalui Othman Mat Udin, Ulu Kelantan melalui Awang Khalid Awang Othman seorang pegawai kerajaan yang berasal dari Kedah dan Pasir Mas melalui Tengku Ahmad Panglima Ibni Tengku Ghafar (Tengku Panglima Raja)⁸ seorang Ketua Jajahan di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas (Alias Mohamed 1975).

Pada 19 Julai 1953 satu mesyuarat khas telah diadakan di Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang dihadiri oleh para pemimpin Melayu Kelantan untuk membincangkan mengenai tentang kepentingan menghidupkan kembali UMNO Kelantan, terutama untuk memperjuangkan kemerdekaan negara. Mesyuarat ini yang dipengerusikan oleh Abu Bakar Al-Ahmadi telah bersetuju melantik Dato' Bentara Kiri, Ismail Mahmud yang menjadi Ketua Jajahan Bachok serta Ketua Jajahan Kota Bharu kemudiannya untuk mengetuai UMNO Kelantan, Majid Tahir sebagai Setiausaha dan Abu Bakar Al-Ahmadi sebagai Ketua Penerangan (Alias Mohamed 1977). Malangnya, dalam tempoh perkhidmatan Dato' Bentara Kiri, Ismail Mahmud dengan UMNO Kelantan begitu singkat sekali. Peraturan Perkhidmatan

⁸Tengku Ahmad Panglima Ibni Tengku Ghafar lebih dikenali sebagai Tengku Panglima Raja. Beliau merupakan Ketua Jajahan Pasir Mas era-1930 an dan era-1950 an. Pernah menjadi Ahli Parlimen Pasir Mas (1955-1959) di atas tiket Perikatan. Tengku Ahmad Panglima Ibni Tengku Ghafar merupakan mertua kepada kepada Sultan Johor iaitu Tuanku Ismail Ibni Sultan Johor (1959 hingga 1981) dan Tuanku Mahmud Iskandar ibni Tuanku Ismail (1981 hingga 2010). Anakandanya Tengku Nora Tengku Ahmad serta Tengku Zanahiah Tengku Ahmad ditabalkan sebagai Sultanah Johor berikutan perkahwinan tersebut. Beberapa anakanda-anakanda Tengku Ahmad Panglima Ibni Tengku Ghafar yang dikenali dalam kelangsungan politik tanahair. Antaranya Tengku Zaid Ibni Tengku Ahmad (Ahli Parlimen Tumpat 1967 hingga 1978) di atas tiket PAS, serta Tengku Noor Asiah Ibni Tengku Ahmad Panglima (Ahli Parlimen Tumpat 1978 hingga 1982 dan ADUN Sungai Pinang 1982 hingga 1986) di atas tiket BN. Tengku Iskandar Ibni Tengku Ahmad merupakan seorang lagi putera kepada Tengku Ahmad Panglima Ibni Tengku Ghafar dilihat kurang berjaya dalam kelangsungan politik. Beliau bertanding sebagai calon bebas dalam PRU1974 dan BERJASA dalam PRU DUN Kelantan 1978 di DUN Bandar Pasir Mas tetapi gagal memenangi kerusi tersebut. Paling menarik kajian pengkaji novel Sandera karya Sasterawan Negara, Arenawati mungkin lebih merujuk kepada kelangsungan politik keluarga Tengku Ahmad Panglima Ibni Tengku Ghafar.

Awam Kolonial British di Kelantan telah menghalang beliau daripada berpolitik secara aktif dalam UMNO (Mohd Ali Kamaruddin 2004).

Berikutan itu, Tengku Indera Petra, putera sulung kepada Sultan Kelantan yang telah disingkirkan daripada menaiki takhta kesultanan Kelantan menjadi pilihan UMNO ketika itu bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh Dato' Bentara Kiri, Ismail Mahmud. Manakala Othman Mat Udin daripada Bahagian Tumpat pula sebagai setiausahanya. Kepimpinan tradisional Tengku Indera Petra telah berjaya memenuhi cita rasa budaya politik Kelantan apabila UMNO Kelantan yang berusia dua tahun dengan keahlian seramai 70,000 orang berupaya meraih sokongan besar para pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Umum 1955, sekali gus telah mengalahkan Parti Negara pimpinan Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud dan PAS pimpinan Mohd Asri Haji Muda. Bagi peringkat DUN, calon-calon UMNO telah berupaya memperolehi undi popular sebanyak 80.02 peratus daripada jumlah keseluruhan undi. Manakala di peringkat parlimen jumlah undi popular yang hampir sama telah diperolehi oleh calon-calon UMNO. Kemenangan mutlak itu berdasarkan manifesto Perikatan yang menjanjikan kemerdekaan Tanah Melayu daripada kolonialisme.

Era Kebangkitan UMNO Kelantan (27 Julai 1955- 20 Julai 1959)

Pra PRU 1955 UMNO Kelantan telah mula menyusun strategi politik dengan menghidupkan parti terutama di Bahagian dan Cawangan. Para pemimpin UMNO Kelantan telah turun padang ke seluruh pelusuk negeri bertujuan memberi penerangan, menggembelingkan tenaga untuk memperkuat parti, menambahkan bilangan ahli-ahli UMNO dan mengadakan kursus-kursus. Para pemimpin UMNO pusat seperti Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman, Sardon Jubir, Syed Jaafar Albar, Bahaman Shamsuddin dan Senu Abdul Rahman adalah di antara yang sering melawat Kelantan untuk membantu kempen-kempen pilihan raya menghadapi PAS dan Parti Negara. Pasca memenangi PRU 1955, maka empat orang ADUN dari UMNO telah diberikan kepercayaan menduduki Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Tengku Mohd Hamzah Tengku Zainal Abidin selaku Menteri Besar Kelantan. Mereka terdiri daripada Hassan Haji Yaacob (Portfolio Pertanian), Yaacob Awang (Portfolio Perjawatan dan Kerajaan Tempatan), Othman Udin (Portfolio Tanah dan Galian), dan Mohamed Idris (Portfolio Pelajaran, Kerjaraya dan Saliran). Manakala Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kelantan,

Halimah Idris dan Abdul Hamid Yaacob dilantik sebagai Ex-Officio. Bagaimanapun, kecemerlangan UMNO Kelantan gagal diteruskan pada PRU 1959. Akibat daripada persengketaan merebut jawatan Menteri Besar Kelantan di kalangan para pemimpin UMNO, keangkuhan sebilangan pemimpin UMNO, sokongan Parti Negara kepada PAS, masalah politik birokrasi dalam kepimpinan UMNO, dan proses peralihan kuasa daripada pemerintahan kolonial kepada pemerintahan sebuah negara yang merdeka.

Ini ditambah pula dengan ADUN dan Ahli Parlimen dari UMNO tidak mempunyai pengaruh, pengalaman dalam pentadbiran serta inisiatif untuk membela kepentingan rakyat Kelantan terutamanya dari segi pembangunan serta pentadbiran seperti yang dijanjikan oleh manifesto Pilihan Raya Umum 1955. Kegagalan para pemimpin UMNO Kelantan menunaikan sebahagian manifesto itu telah menyebabkan perasaan rakyat Kelantan merasa hampa dan kecewa. Sebagai alternatifnya, mereka mengambil langkah pro-aktif dengan mengalihkan sokongan atau mandat kepada PAS yang telah mengambil kesempatan mengeksploitasikan isu-isu agama Islam dan ketuanan Melayu dalam kempen pilihan raya umum menyebabkan kepimpinan UMNO Kelantan tersungkur pada Pilihan Raya Umum 1959 yang berlangsung pada 20 Julai 1959 bagi DUN dan 20 Ogos 1959 bagi Parlimen (Kessler 1978).

Era Kelemahan UMNO Kelantan (20 Julai 1959 - 11 Mac 1978)

PRU 1959 berlangsung pada 20 Julai 1959 bagi DUN dan 20 Ogos 1959 bagi Parlimen telah menyaksikan UMNO Kelantan telah mengalami kekalahan teruk apabila hanya memperolehi 2 daripada 28 kerusi DUN dan satu dari 10 kerusi Parlimen. Kekalahan tersebut berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya PAS mendapat sokongan padu golongan agamawan yang amat dihormati oleh masyarakat tempatan. Antara golongan agamawan yang menyokong PAS ialah Tuan Guru Haji Abdullah Tahir dari Pondok Bunut Payong, Kota Bharu, Tuan Guru Abdul Ghani Awang Kechik dari Pondok Kubang Bemban, Pasir Mas, Tuan Guru Mustapha Abu Bakar, Tuan Guru Hashim Abu Bakar dan Tuan Guru Aziz Abu Bakar dari Pondok Terosan, Pasir Tumbuh, Tuan Guru Haji Mohamad Zain Othman dari Pondok Kemudi, Bachok, Tuan Guru Haji Harun Sulong dari Pondok Lemal, Pasir Mas, Tuan Guru Haji Awang Padang dari Pondok Kolam, Bachok, dan Tuan Guru Haji Abdullah Abdul Rahman dari Pondok Lubuk

Tapah. Peranan utama golongan agamawan tersebut ialah mengadakan gerakan ceramah ke seluruh Kelantan bagi menjelaskan dasar perjuangan PAS dan hubungannya dengan perkembangan isu semasa serta masa depan orang Melayu dan Islam. Peranan golongan agamawan itu didapati telah berjaya menerangkan secara jelas bahawa perjuangan PAS selari dengan tuntutan keagamaan. Ia juga seiring dengan latar belakang sosio-budaya rakyat Kelantan yang dikatakan komited dengan cara hidup Islam.⁹

Kekalahan UMNO dalam PRU 1959 juga berpunca daripada faktor berlakunya krisis kepimpinan dalam UMNO Kelantan terutamanya persoalan siapakah yang layak menggantikan Tengku Hamzah Tengku Zainal Abidin sebagai Menteri Besar Kelantan di antara Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Nik Hassan Nik Yahaya dan Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas Hilir, Yaacob Awang. Krisis ini menyebabkan kepimpinan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Indera Petra telah dipertikaikan kewibawaannya dalam menyelesaikan permasalahan ini. Di samping itu para pemimpin tertentu dalam UMNO Kelantan bersikap meninggikan diri berbanding dengan para pemimpin PAS Kelantan yang mendapat tempat di hati masyarakat negeri itu. Ini ditambah lagi persoalan komplot yang berlaku dalam parti itu, apabila Ketua UMNO Bahagian di negeri itu hanya menitikberatkan tanggungjawab kepada bahagian yang diketuainya. Sikap Ketua Bahagian UMNO ini telah menyebabkan kelahiran gejala *warlord-warlord* serta budaya perpuakan dalam UMNO negeri itu sehingga kontemporari (Mustafa Ahmad 2009: 44-45).

Faktor-faktor di atas telah menyebabkan UMNO Kelantan telah digantung selepas PRU 1959. Dalam tempoh pergantungan ini, Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra telah dilantik sebagai Ketua Badan Perhubungan UMNO Kelantan dan Dr. Abdul Aziz Omar yang berasal dari Pulau Pinang tetapi membuka klinik swasta di Kota Bharu sebagai Timbalan Ketua UMNO Kelantan. Tunku Abdul Rahman Putra telah berusaha memulihkan kekuatan UMNO negeri itu dengan memujuk semula Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud seorang aristokrat yang rapat dengan Istana Kelantan serta mempunyai daya kepimpinan sebagai Menteri Besar Kelantan di zaman kolonial menyertai semula UMNO. Ini kerana pada perkiraan politik Tunku Abdul Rahman

⁹Lihat kertas kerja Sejarah PAS Kelantan oleh Haji Ahmad bin Yaakob sempena Seminar 3 Dekad Kebangkitan PAS Kelantan di Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu pada 10 Februari 2012.Hlm. 12.

Putra, Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud berkelulusan Universiti Oxford serta Universiti Bristol merupakan aset politik yang amat berharga kepada UMNO Kelantan dalam usaha parti itu merampas kembali negeri itu dari tangan PAS (Mohd Ali Kamaruddin 2004: 176).

Di samping itu juga Tunku Abdul Rahman Putra telah memperkenalkan Tengku Razaleigh Hamzah seorang putera kedua kepada Tengku Mohamad Hamzah Tengku Zainal Abidin dan Nik Zainab Nik Ali dalam kancah politik negeri itu. Tengku Razaleigh Hamzah dianggap sebagai "*The Man to Watch*" seorang tenaga muda dinamis dan intelektual baru sahaja menamatkan bidang pengajian ekonomi di Queen University of Belfast di Ireland Utara, tetapi tidak sempat menamatkan pengajian undang-undang di Lincoln's Inn, England telah dilantik sebagai Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan menggantikan Ariffin Salleh.¹⁰

Keupayaan, kebolehan serta prestasi kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dapat diukur berdasarkan kebolehan bertutur kata atau berkomunikasi dengan baik, ketajaman mindanya yang mudah mengenali setiap anggota masyarakat yang pernah bertemu dengannya. Beliau bukan sekadar mengenal raut wajah tetapi beserta dengan nama sekali, walaupun bertahun-tahun tidak berjumpa. Asas-asas politik yang dimiliki oleh Tengku Razaleigh Hamzah amat jarang sekali dimiliki oleh para pemimpin UMNO Kelantan era beliau seperti Tengku Indera Petra, Dr. Abdul Aziz Omar, Nik Hassan Nik Yahaya, Othman Mat Udin, Hamzah Ghani, Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud dan Wan Abdul Kadir Ismail (Alias Mohamed 2008: 36; Mustafa Ahmad 2009: 109).

Penyertaan semula Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud, kemasukan keahlian Tengku Razaleigh Hamzah serta pengekalan Dr. Abdul Aziz Omar seorang doktor perubatan berkelahiran Pulau Pinang sebagai Timbalan Ketua UMNO Kelantan telah meningkatkan sokongan masyarakat negeri terhadap UMNO. Situasi ini terbukti dalam PRU 1964, apabila parti itu berjaya memenangi 7 daripada 30 kerusi DUN dan 2 daripada 10 kerusi Parlimen.¹¹ Sekalipun UMNO

¹⁰Ariffin Salleh ialah ayahanda kepada Nora penyanyi popular era 90-an. Beliau merupakan mantan Ketua UMNO Bahagian Pengkalen Chepa pada era 80-an.

¹¹Tujuh kerusi yang PAS tewas kepada Perikatan pada Pilihan raya 1964 ini iaitu Machang Utara yang dulunya dimenangi oleh Mohammad bin Nasir (Timbalan Menteri Besar), Machang Selatan yang dulunya dimenangi oleh Mohd Nor Yusoff, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan, Pasir Puteh Tengah yang dulunya dimenangi Wan Sulaiman Ibrahim Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan dan Tumpat Tengah, Mustapha Awang, ADUN biasa. Manakala tiga lagi adalah di Tumpat Timur, Ulu Kelantan Barat dan Bandar Hulu yang masing-masing dahulunya dimenangi oleh Ishak Mustapha, Khaidir Khatib dan Muda Yusof (Salahuddin Abdullah 2010 : 83).

tewas dalam PRU tersebut tetapi setidak-tidaknya undi yang diperolehi parti itu telah meningkat berbanding Pilihan Raya Umum 1959.¹² Ini sekaligus menunjukkan kekuatan UMNO Kelantan telah pulih dan parti itu akan terus berusaha untuk berkuasa semula di negeri itu dengan melaksanakan strategi-strategi politik tertentu untuk menawan negeri itu dari PAS.¹³

Tambahan pula pelantikan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak sebagai Pengerusi Perhubungan Negeri Kelantan pada tahun 1967 telah dapat meningkatkan lagi kekuatan UMNO Kelantan dalam menghadapi PRU 1969. Beliau telah berusaha mengukuhkan UMNO Kelantan dengan mengatur beberapa strategi-strategi politik. Paling terkenal dalam lipatan sejarah politik Kelantan ialah peristiwa “*Turn About, About Turn*”. Peristiwa tersebut bermula dengan strategi politik untuk menumbangkan Kerajaan PAS Kelantan melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada bulan Jun 1968.¹⁴ Perancang utama strategi ini ialah Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Kadir Ismail, Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad, dan seorang ahli perniagaan Abdullah Sulaiman yang berasal dari Daerah Besut.¹⁵ Target sasaran modus

¹² Sila rujuk Laporan Keputusan Pilihan raya Umum 1959 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

¹³ Kekalahan UMNO di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum 1964 juga berpunca daripada kejadian kafir-mengkafir. Kejadian kafir-mengkafir ini bermula di Madrasah Mukim Kubang Kua, Pasir Mas pada 20 Julai 1963 oleh Tuan Guru Haji Omar Daud dari Pondok Kubang Bemban, Pasir Mas telah mengeluarkan kenyataan bahawa menyokong dan bersubahat dengan orang-orang bukan Islam adalah kafir. Hal ini disusuli pula dengan perancangan perang jihad terhadap mereka yang bukan ahli PAS. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Tuan Guru Haji Omar Daud itu menyebabkan berlakunya sembahyang dua imam, sembahyang berasingan, tanah perkuburan yang berlainan, masalah nikah-kahwin, masalah pembayaran zakat, perebutan masjid, dan sebagainya. Fitnah kafir-mengkafir inilah dilaporkan terjadi secara meluas dan bermahajalela di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu, justeru PAS begitu aktif dan kuat di kedua-dua negeri ini. Di samping itu, PAS juga turut mengeksploitasikan isu pengambilan kelas dewasa dan pembinaan 147 buah madrasah oleh UMNO sebagai tidak sah dengan alasan duit tersebut adalah haram kerana bercampur dengan loteri kebajikan masyarakat. Bagi mengukuhkan lagi dakwaannya, UMNO secara bertubi-tubi telah dituduh menderhaka kepada Islam dalam mengejar pembangunan materialnya. Bahkan, serangan peribadi kepada pemimpin UMNO turut juga diperhebatkan dengan mengaitkan Tunku Abdul Rahman Putra menari dengan salah seorang peserta perempuan selepas pertandingan membaca Al-Quran dalam bulan puasa. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Persekutuan mengadakan operasi menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Antara mereka yang ditahan ialah Haji Omar Daud, Haji Mohd Nor Abdullah, Haji Yaakob Ishak, Haji Abu Bakar Abdul Rahman, Haji Daud Othman, Haji Sulaiman Omar, Haji Mohamad Abdul Rahman, Haji Saufi Idris, Haji Nik Abdullah Arshad, dan Haji Che Hassan Ismail (Kamarul Zaman Haji Yusoff 1999: 38-39).

¹⁴ Lihat laporan Department of External Affairs Inward Cablegram Australian High Commission bertajuk “*Malaysian-PIMP*” bertarikh 19 Ogos 1968; laporan Duncan. C.C dari Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur bertajuk “*The Pan-Malayan Islamic Party (PIMP)*” bertarikh 15 September 1969. Hlm 4; Lihat draf kertas kerja Pegawai Penyelidikan UMNO Malaysia, Wan Mohd Mahyidin Wan Nawang bertajuk “PAS Merugikan Perjuangan Bangsa bertarikh 31 Mac 1969, hlm. 7-8.

¹⁵ Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Abdullah Yusoff dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Yusoff Abdul Latiff dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Omar Mohamad dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968;

operandi ialah ADUN PAS iaitu ADUN Tok Uban Abdullah Yusoff, ADUN Pasir Puteh Tenggara Abdul Rahman Salleh, ADUN Kota Bharu Timur, Saufi Deris, ADUN Tanah Merah Barat, Omar Mohamad dan ADUN Tanah Merah Timur, Yusoff Abdul Latif. Kelima-lima ADUN tersebut telah ditahan oleh pihak polis dalam satu sekatan jalan raya di Kelantan serta dibawa ke Kuala Lumpur secara berperingkat-peringkat mulai dari 24 Jun 1968.¹⁶ Di Kuala Lumpur, Abdullah Yusoff, Saufi Deris, Abdul Rahman Salleh, Omar Mohamad dan Yusoff Abdul Latif telah ditahan di dalam sebuah rumah banglo yang terletak di Jalan Pekeliling di mana kesemua mereka telah menyertai UMNO dengan bayaran sebanyak RM30,000 oleh Abdullah Sulaiman dengan disaksikan oleh Abdullah Ahmad dan Wan Abdul Kadir Ismail sebagai menjelaskan hutang.¹⁷ Kelima-lima ADUN ini telah membuat perisytiharan untuk menyertai UMNO di hadapan pihak media massa pada malam 18 Ogos 1968 serta dibawa balik ke Kelantan dengan diberikan kawalan yang ketat oleh pihak polis untuk menghadiri Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan.¹⁸

Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Saufi Idris dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Abdul Rahman Mohd Salleh dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Surat G.C.Duncan dari Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur yang bertajuk “PMIP” kepada T.E.J. Mound, Esq, Far East and Pacific Department, Commonwealth Office, London S.W. 1. yang bertarikh 29 Ogos 1968; Lihat Department of External Affairs Inward Cablegram Australian High Commission bertajuk “PIMP Kelantan” bertarikh 16 Ogos 1968.

¹⁶Lihat Surat H.M.G. Stevens dari Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur bertajuk “*Rumoured Defections From PMIP*” Kepada T.E.J. Mound, Esq, Far East and Pacific Department, Commonwealth Office, London S.W. 1. bertarikh 7 Ogos 1968; Lihat Department of External Affairs Inward Cablegram Australian High Commission bertajuk “*Malaysia-PIMP*” bertarikh 19 Ogos 1968; Lihat Department of External Affairs Inward Cablegram Australian High Commission bertajuk “*PIMP Kelantan*” bertarikh 16 Ogos 1968.

¹⁷Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Abdullah Yusoff dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Yusoff Abdul Latiff, Omar Mohamad, Saufi Idris, Abdul Rahman Mohd Salleh dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Lihat Department of External Affairs Inward Cablegram Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk “*Malaysia-PIMP*” bertarikh 19 Ogos 1968; Lihat Department of External Affairs Inward Cablegram Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk “*PIMP Kelantan*” bertarikh 16 Ogos 1968; Lihat Kenyataan Akhbar Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tok Uban, Abdullah Yusoff dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kota Bharu Timur, Saufi Idris. tt; Telegram Suruhanjaya Tinggi Australia, Kuala Lumpur bertajuk “*Malaysia-P.I.M.P*” bertarikh 18 Ogos 1968.

¹⁸Lihat Department of External Affairs Inward Cablegram Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk “*Malaysia-PIMP*” bertarikh 19 Ogos 1968; Lihat Department of External Affairs Inward Cablegram Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk “*PIMP Kelantan*” bertarikh 16 Ogos 1968; Telegram Suruhanjaya Tinggi Australia, Kuala Lumpur bertajuk “*Malaysia-P.I.M.P*” bertarikh 18 Ogos 1968.

Pada 20 Ogos 1968, Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan gempar dengan desas-desus satu usul undi tidak percaya akan dilakukan terhadap Mohd Asri Haji Muda sebagai Menteri Besar.¹⁹ Walau bagaimanapun, sebaik sahaja Persidangan berlangsung selama sepuluh minit, Abdul Rahman Salleh telah bertindak dengan berpindah ke tempat duduk yang disediakan untuk penyokong pihak kerajaan sambil mengedarkan surat kenyataan yang telah disediakan sebelumnya berhubung dengan kembalinya beliau ke pangkuan PAS. Begitu juga dengan Omar Mohamad dan Yusoff Abdul Latiff turut mengisytiharkan kembalinya mereka ke pangkuan PAS dengan kenyataan "*That text of statement which he had broadcast on their behalf had been prepared by UMNO*".²⁰ Tindakan ketiga-tiga Ahli Dewan Undangan Negeri itu telah dengan sekaligus menggagalkan percubaan para pemimpin UMNO Negeri Kelantan untuk menumbangkan PAS dalam Kerajaan negeri tersebut. Walau bagaimana pun, PAS Kelantan telah kehilangan dua orang Ahli Dewan Undangan Negeri, iaitu Abdullah Yusoff dan Saufi Idris, yang telah menyertai UMNO seterusnya menjadi calon Perikatan dalam PRU1969.²¹

Walaupun strategi untuk menggulingkan PAS Kelantan pada 20 Ogos 1968 telah menemui jalan buntu, para pemimpin UMNO Negeri Kelantan tidak patah semangat dan berputus asa.²²

¹⁹Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Abdullah Yusoff dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Yusoff Abdul Latiff dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Omar Mohamad dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968; Lihat surat akuan penerimaan wang oleh Saufi Idris dari Abdullah Sulaiman disaksikan oleh Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdullah Ahmad dan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Wan Abdul Kadir Ismail bertarikh Ogos 1968.

²⁰Penyata-penyata pembahasan rasmi Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Kelantan yang kedua dalam tempoh tahun keempat pada 20 dan 21 Ogos 1968. Hlm. 3-4; Telegram Suruhanjaya Tinggi Australia, Kuala Lumpur bertajuk "P.I.M.P" bertarikh 21 Ogos 1968.

²¹Telegram Suruhanjaya Tinggi Australia, Kuala Lumpur bertajuk "P.I.M.P" bertarikh 21 Ogos 1968; Surat Tun Abdul Razak bertajuk "*Abdullah Yusoff—Former Speaker of the Kelantan State Legislative Assembly*" kepada Setiausaha Perikatan T.H Tan bertarikh 22 Julai 1970; Penyata-penyata pembahasan rasmi Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Kelantan yang kedua dalam tempoh tahun keempat pada 20 dan 21 Ogos 1968. Hlm. 3-4; Lihat laporan Lander L. John dari Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk "*Malaysia-General Election Kelantan*" kepada The Secretary Department of External Affairs Canberra, bertarikh 11 April 69, hlm. 1.

²²Lihat laporan Department of External Affairs Inward Cablegram Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk "*PIMP Kelantan*" bertarikh 21 Ogos 1968; Lihat Department of External Affairs Inward Cablegram bertajuk "*Malaysia-PIMP*" Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertarikh 19 Ogos 1968; Lihat laporan Department of External Affairs Inward Cablegram Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk "*PIMP Kelantan*" bertarikh 16 Ogos 1968.

Sebaliknya, melalui gandingan kepimpinan Tun Abdul Razak Hussein-Tengku Razaleigh Hamzah, penubuhan “Pemuda Tahan Lasak” serta bantuan daripada mantan pemimpin PAS Pusat yang berpaling tadah iaitu Othman Abdullah dan Tuan Guru Mohd Nor Abdullah atau Mohd Nor Teliar, semangat UMNO Negeri Kelantan berada ditahap paling tinggi untuk menawan negeri itu menerusi PRU 1969.²³ Keyakinan tersebut berdasar kepada peluang parti tersebut yang amat cerah untuk memenangi sekurang-kurangnya 18 buah kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan dengan sasarannya Tumpat Tengah, Tumpat Barat, Kuala Kelantan, Bandar Pasir Mas, Tendong, Bandar Hilir, Bandar Hulu, Bachok Utara, Bachok Tengah, Machang Utara, Ulu Kelantan Barat, Ulu Kelantan Timur, Pasir Putih Tengah, Pasir Putih Utara, Tanah Merah Barat, Tanah Merah Timur, Tok Uban, dan Rantau Panjang.²⁴

Keyakinan UMNO untuk menawan Kelantan dalam PRU 1969 adalah berpandu kepada analisis yang dibuat oleh Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kelantan dan Pegawai Penyelidik UMNO Malaysia, Wan Mohd Mahyidin Wan Nawang, terhadap keputusan PRK DUN Kawasan Bachok Utara pada 7 Januari 1968.²⁵ Sungguhpun kerusi DUN Kawasan Bachok Utara telah dimenangi oleh calon PAS, Mohd Noor Ismail yang mengalahkan calon Perikatan, Ismail Yusoff dengan majoriti 473 undi,²⁶ analisis Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kelantan menunjukkan bahawa UMNO mulai mendapat tempat di kalangan pengundi-pengundi baru. Terdapat juga undi rosak, ahli-ahli PAS mengundi calon UMNO dan pengundi yang tidak keluar dahulu telah keluar mengundi.²⁷

²³Lihat kertas kerja, Pegawai Penyelidik UMNO, Wan Mohd Mahyidin Wan Nawang bertajuk “Strategi Bagi UMNO Negeri Kelantan”. tt., hlm. 1; Lihat laporan Lander L. John dari Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk “*Malaysia-General Elecation Kelantan*” kepada The Secretary Department of External Affairs, Canberra bertarikh 11 April 1969, hlm. 3; Surat Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Kelantan, Mohd Zain Haji Abdullah kepada Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bertajuk “Khemah Kerja Tahan Lasak Di Kelantan” bertarikh 30 Mei 1968.

²⁴Lihat Minit Mesyuarat Khas Pegawai-Pegawai Penerangan Jajahan, Pegawai-Pegawai Luar dan Pembantu-Pembantu Luar yang berlangsung di Kota Bharu pada 5 Mei 1968. Hlm. 1-5; Lihat minit Mesyuarat Khas Pegawai-Pegawai Penerangan Jajahan, Pegawai-Pegawai Luar dan Pembantu-Pembantu Luar yang berlangsung di Kota Bharu pada 8 Ogos 1968. Hlm. 1-4; Lihat laporan Lander L. John dari Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk “*Malaysia-General Elecation Kelantan*” kepada The Secretary Department of External Affairs Canberra, bertarikh 11 April 1969, hlm. 1.

²⁵Lihat kertas kerja, Pegawai Penyelidik UMNO, Wan Mohd Mahyidin Wan Nawang bertajuk “Strategi Bagi UMNO Negeri Kelantan”. TT, hlm. 2-6.

²⁶*Warta Kerajaan Negeri Kelantan*. 1968. 22 Februari. No. 78.

²⁷Lihat laporan Lander L. John dari Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur bertajuk “*Malaysia-General Elecation Kelantan*” kepada The Secretary Department of External Affairs Canberra, bertarikh 11 April 69. Hlm. 1; Sedutan antara lain-lain Mesyuarat Khas Pegawai-Pegawai Penerangan Jajahan, Pegawai-Pegawai Luar dan Pembantu-Pembantu Luar yang berlangsung di Kota Bharu pada 5 Mei 1968, hlm. 1-5.

Walaupun PRU 1969 tidak memihak kepada UMNO, namun pertambahan undi yang diperolehinya sudah cukup membuktikan bahawa parti itu semakin diterima baik oleh masyarakat Kelantan. Keadaan ini telah menyebabkan Tun Abdul Razak telah melepaskan jawatan sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan kepada Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1971. Di bawah kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah, UMNO Kelantan semakin mendapat sambutan hangat daripada masyarakat negeri itu. Dalam memperkuatkan UMNO Kelantan, Putera Raja Kelantan tersebut telah melaksanakan politik pembangunan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti menaikkan taraf jalan-jalan kampung, bekalan elektrik, dan air paip untuk menarik minat masyarakat Kelantan menyokong kepimpinannya. Pelaksanaan projek-projek pembangunan ini amat penting bagi membuktikan UMNO Kelantan berusaha mendekatkan parti dengan hati sanubari masyarakat Kelantan dalam segala aspek-aspek kehidupan masyarakat.²⁸

Bagi membuktikan kemampuannya memerintah melebihi keupayaan yang ada pada kerajaan PAS Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah juga telah menekankan kepada perlaksanaan politik pembangunan seperti program-program bina insan dengan pembinaan masjid, surau, madrasah, balairaya, jalan berturap, jambatan, paip air, wakaf, dan membaikpulih sekolah-sekolah agama rakyat. Pelaksanaan program-program berbentuk agama ini amat penting bagi menangkis tanggapan atau tohmahan para pemimpin PAS Kelantan yang sering menuduh bahawa pembangunan yang dibawa oleh UMNO hanya berbentuk “simen dan konkrit”, bukannya pembangunan insaniah atau rohaniah. Persoalan ini telah dinyatakan secara terperinci oleh Kessler dalam kajiannya

“Unlike those the party of compromises and haggling would barter trade Islam for their own gain, we offer not the rule of nafsu (dasar nafsu) but the higher law of reason

²⁸Lihat laporan Political Intelligence Bulletin, Department of External Affairs Canberra bertajuk “*Malaysia-Public Order Situation*” bertarikh 16 Mei 1969; Lihat laporan Political Intelligence Bulletin, Department of External Affairs Canberra bertajuk “*Malaysia-General Election*” bertarikh 16 Mei 1969; FCO 24/812 Telegram Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur bertajuk “*East Malaysian Election*” kepada Setiausaha Dalam Negeri British bertarikh 27 Julai 1970. Hlm. 1-5; Lihat ucapan pembukaan rasmi Kongres PAS yang ke-XV11 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada hari Jumaat, 18 Jun 1971 oleh Pemangku Yang Dipertua Agung PAS Pusat, Mohd Asri. Hlm. 2-3; Laporan Jawatankuasa Kecil “Urban” UMNO dengan Pengerusi, Abdul Samad Ismail, Setiausaha, Wan Mohd Mahyidin Wan Nawang, Ahli Jawatankuasa terdiri dari Ahmad Mustapha, Adnan Engku Ismail dan Khalil Akasah bertarikh 11 Mei 1969.

(hukum akal). (UMNO) claim that we are against progress. We are not. But we are against their kind of progress. Theirs is a progress only of bricks and cement, superficial and materialistic. That is not the kind of progress which is sought by the people, nor will it benefit them...For us the concept of progress is not simply an economic concept, measurable in terms of the number of factories and land schemes that have been opened. For us progress consists of uplifting a society and a people from material poverty social oppression and a crippling backwardness. It is directed to the people and their own dignity. That back to the time of the Prophet Muhammad (peace and blessings of Allah to be upon him) is the Muslims meaning of progress, a meaning that the party of money and interest cannot be comprehend (Kessler 1978: 229-230)

Sehubungan dengan itu, situasi sedemikian memberikan jendela peluang kepada kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dan UMNO Kelantan menangkis tohmahan tersebut bahawa parti itu mengabaikan agama Islam. Penekanan paling penting telah diberikan tumpuan oleh Tengku Razaleigh Hamzah terhadap pembangunan insaniah, khususnya yang melibatkan agama Islam, terutamanya dari segi pembangunan institusi pondok yang disabitkan dengan kubu-kubu kuat PAS, telah dapat meningkatkan imejnya di kalangan masyarakat Kelantan bahawa beliau merupakan jaguh yang memperjuangkan Islam secara bijaksana. Institusi pondok juga dihadapkan kepada tekanan berbentuk kempen oleh kepimpinan UMNO Kelantan untuk memodenkan persekolahan agama berdasarkan kepada situasi kontemporari. Secara tidak langsung, pemodenan ini membantutkan penglibatan insitusi pondok dalam politik PAS secara beransur-ansur (Mustafa Ahmad 2009).

Sementara itu kelangsungan politik negara kian berubah berikutan Peristiwa 13 Mei 1969 yang menyebabkan penubuhan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan oleh Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Haji Muda pada 1 Januari 1973.²⁹ Penubuhan Kerajaan Campuran PAS-Perikatan dilihat telah membantutkan cita-cita perjuangan Tengku Razaleigh dan UMNO Kelantan untuk menawan negeri itu. Beliau dilihat kurang senang dengan kelangsungan politik itu, namun begitu beliau terpaksa akur buat sementara waktu kerana penubuhan Kerajaan Campuran

²⁹ Catitan Mesyuarat Keenam Jawatankuasa Penyelaeasan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS yang telah diadakan pada hari Selasa, 25 September 1973, Jam 3.00 Petang di Bilik Gerakan Perdana Menteri, Pejabat Perdana Menteri. Hlm 2.

PAS-Perikatan adalah inspirasi Tun Abdul Razak dan Mohd Asri Haji Muda yang amat sukar untuk ditolakny.³⁰

Namun begitu penubuhan Kerajaan Campuran pada 1 Januari 1973 dan kemudiannya Barisan Nasional pada 7 Julai 1974 merupakan "*political milage*" kepada Tengku Razaleigh Hamzah. Pemilihan Mohammad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan telah digambarkan sebagai seorang yang jujur, warak, alim, tidak mengamalkan rasuah dan liberal pasca Pilihan Raya Umum 1974 telah memberikan peluang kepada Tengku Razaleigh Hamzah tersebut untuk mengatur strategi "politik dalam politik" bagi menawan Kelantan. Mohammad Nasir dilihat seorang yang kurang tegas kepemimpinannya serta kelemahan pentadbirannya telah dijadikan "boneka" atau "puppet" kepada para pemimpin UMNO Kelantan. Beliau juga berusaha untuk membina hubungan yang baik dengan para pemimpin UMNO Kelantan. Ini terbukti apabila beliau sering merujuk persoalan pentadbiran Kerajaan Negeri kepada Tengku Razaleigh Hamzah, Abdullah Ahmad, dan Hussein Ahmad dalam membuat keputusan dasar-dasar pentadbiran yang akan dilaksanakan.³¹

Situasi ini secara tidak langsung telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan para pimpinan PAS Kelantan seperti Mohd Asri Haji Muda, Ishak Lotfi Omar, Salahuddin Abdullah, Wan Ismail Wan Ibrahim, dan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, lantas menyebabkan berlakunya undi tidak percaya kepada Mohammad Nasir sebagai Menteri Besar di Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada bulan November 1977 oleh PAS melalui ADUN Simpangan, Hussein Abdullah sebagai pencadang dan ADUN Bandar Pasir Mas, Hashim Omar sebagai penyokong usul tersebut.³² Dalam situasi ini para pemimpin UMNO Kelantan antaranya Tengku Razaleigh Hamzah, Tengku Ahmad Raithuuddeen Tengku Ismail, Mohammad Haji Ali

³⁰Surat Setiausaha Dewan Ulama PAS Kelantan, Mahmud Zuhdi Abdul Majid kepada Setiausaha Agung PAS Pusat, Hassan Shukri bertajuk "Penggulingan Mohammad Nasir Sebagai Menteri Besar dan Keahlian Parti" bertarikh 18 September 1977.

³¹

Surat Setiausaha Dewan Ulama PAS Kelantan, Mahmud Zuhdi Abdul Majid kepada Setiausaha Agung PAS Pusat, Hassan Shukri bertajuk "Penggulingan Mohammad Nasir Sebagai Menteri Besar dan Keahlian Parti" bertarikh 18 September 1977.

³²Lihat Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Kedua Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat, Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keempat pada 15 Oktober 1977. Kota Bharu: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, hlm: 4-5.

dan Hussein Ahmad telah dibantu oleh Dr. Ibrahim Ali,³³ Che Ismail Abdullah,³⁴ Abdul Rahman Mat Salleh (Derahman Intelek),³⁵ Mohd Sabrie Shafie (Boss Yie),³⁶ Abdul Hamid Sattar Khan³⁷ dan Dr. Alias Mohamed³⁸ telah mengambil peluang *oportunis* daripada situasi ini dengan menganjurkan demonstrasi-demonstrasi jalanan menyebabkan berlakunya kekacauan di Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Bachok dan Kubang Kerian. Akibat kekacauan ini Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn telah mengisytiharkan darurat dan pentadbiran Kelantan telah

³³Dr. Ibrahim Ali adalah seorang tokoh yang cukup kontroversi dalam kelangsungan politik Malaysia berikutan tindakan lompat partinya daripada BERJASA (1978-1981), UMNO (1981-1988), Semangat 46 (1989-1991), UMNO (1991-2003), calon Bebas (2003-2018) dan PUTRA (2018- kontemporari). Beliau dilahirkan pada 25 Januari 1957 di Tumpat Kelantan. Berkelulusan Ijazah dalam bidang Sebaran Am dari Institut Teknologi MARA (ITM) dan Ijazah Kedoktoran dari Universiti Teknologi Kemboja. Ibrahim Ali merupakan salah seorang pemimpin pelajar yang terlibat dalam demonstrasi Baling pada tahun 1974 bersama Syed Husin Ali, Anwar Ibrahim, serta Kamarulzaman Yaacob. Ekoran penglibatan itu beliau ditahan di bawah Akta ISA selama 3 tahun. Dalam pertembungan politik Kelantan 1977, Ibrahim Ali sebagai Ketua Pemuda BERJASA telah memainkan peranan yang amat penting dengan memihak kepada Mohamad Nasir, namun pada hakikat sebenarnya beliau adalah penyokong Tengku Razaleigh Hamzah. Ibrahim Ali merupakan "*mastermind*" mengaturkan demonstrasi menjatuhkan Kerajaan Kelantan dominasi PAS.

³⁴Che Ismail Abdullah dilahirkan pada 24 April 1923 di Kampung Tok Ajam, Mukim Jelor, Pasir Putih amat dikenali oleh masyarakat Kelantan berdasarkan sikap "gedebe". Che Ismail Abdullah memainkan peranan penting dalam krisis politik Kelantan 1977 bersama Ibrahim Ali dalam membela pemecatan Mohamad Nasir dari PAS dan menubuhkan BERJASA. Che Ismail Abdullah sekali lagi diberikan peluang bertanding di atas tiket parti tersebut di DUN Sering dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978 menentang calon PAS, Nik Abdullah bin Arshad dan kalah 84 undi. Selepas Pilihan Raya Umum 1978, beliau mengambil sikap tidak aktif dalam politik, kerana begitu kecewa, apabila Mohamad Nasir membawa BERJASA menyertai BN.

³⁵Abdul Rahman Mat Salleh dilahirkan di Kampung Kerasak, Mukim Kedondong, Pasir Mas, Kelantan. Berkelulusan Sarjana Muda dalam bidang ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1971 dan Sarjana Perancangan Bandar dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1974. Keupayaan beliau memperolehi dua ijazah akademik tersebut menyebabkannya dikenali sebagai "Derahman Intelek". Abdul Rahman Mat Salleh kemudiannya berkhidmat sebagai PTD dengan jawatan terakhirnya sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Prai, Pulau Pinang (MPSB) pada tahun 1990. Beliau kemudiannya bertanding jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dalam Pemilihan UMNO 1999 dengan menentang Hishamuddin Hussein. Paling menarik dalam pemilihan itu Abdul Rahman Mat Salleh hanya memperolehi 1 undi. Beliau kemudiannya menghadapi masalah mental sehingga hari ini.

³⁶Mohd Soberi Shafie dilahirkan di Kedai Kadok, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1954. Mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kadok pada tahun 1971 dan Sekolah Menengah Bijawangsa, Tumpat pada tahun 1974. Beliau seorang yang amat rapat dengan Hussein Ahmad sebagai "budak suruhan". Mohd Soberi Shafie kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha Kerja Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan di bawah Hassan Ismail bermula pada tahun 1981 dan Penyelia KEMAS Kelantan. Selepas UMNO (Baru) ditubuhkan beliau telah diarahkan berkhidmat sebagai kakitangan di Ibu Pejabat UMNO Pusat. Di antara tahun 1993 hingga 1995 beliau telah memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Peringat serta pernah menjadi Calon BN dalam PRU1995 bagi DUN Kadok. Mohd Saberi Shafie pernah membintangi filem "Ribut Di Hujung Senja" arahan Ed Osmera atau nama sebenarnya Syed Othman Syed Ibrahim sebagai pelakon tambahan bersama pelakon utamanya Gaya Zakry dan Rosnah Mohd Nor. Mohd Saberi Shafie merupakan rakan rapat penulis sehingga tika dan saat ini.

³⁷Abdul Hamid Sattar Khan telah dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1950. Mendapat pendidikan Menengah di Sultan Ismail Collage (SIC) di antara tahun 1968 hingga 1973, kemudiannya melanjutkan pengajian di Universiti Malaya. Beliau kemudiannya memperolehi Sarjana Muda dari universiti tertua di Malaysia itu dalam bidang ekonomi pada tahun 1974. Seterusnya Abdul Hamid Sattar Khan berkhidmat di Bahagian Penyelidikan di Ibu Pejabat UMNO di Kuala Lumpur dengan melakukan penyelidikan-penyelidikan terhadap parti itu. Beliau kekal di bahagian tersebut sehingga hari ini.

³⁸Dr. Alias Mohamed merupakan wartawan dan tutor di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya serta pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Akhbar Kepada Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba (1986-1993). Amat rapat dengan pengkaji beberapa tahun sebelum beliau kembali ke Rahmantullah.

diterajui oleh Majlis Tindakan Keselamatan Negara (MAGERAN) dengan Hashim Aman sebagai Pengarah. Pentadbiran (MAGERAN) di bawah pimpinan beliau sempat berjalan selama 96 hari.³⁹ Sementara menunggu PRU DUN Kelantan 1978 diadakan, sebuah kerajaan sementara telah dibentuk dengan mengekalkan Mohammad Nasir sebagai Menteri Besar dan ADUN Telipot, Hassan Yaacob sebagai Timbalan Menteri Besar. PRU DUN Kelantan berlangsung pada 11 Mac 1978 adalah berasingan dengan Pilihan Raya Umum 1978 yang berlangsung pada 7 Julai 1978 telah menyaksikan Barisan Nasional berjaya memperolehi 24 kerusi,⁴⁰ BERJASA pula memperolehi 11 kerusi⁴¹ dan PAS pula memenangi 2 kerusi. Ini membolehkan UMNO membentuk Kerajaan Negeri di Kelantan selepas 18 tahun parti itu kehilangan kuasa di negeri itu sekaligus menandakan zaman kebangkitan semula UMNO Kelantan telah bermula.⁴²

Era Kebangkitan Semula UMNO Kelantan (11 Mac 1978 - 21 Oktober 1990)

PRU DUN Kelantan 1978 yang berlangsung pada 11 Mac 1978 telah menyaksikan UMNO mendominasi BN telah berjaya membentuk kerajaan di negeri itu, apabila parti komponen itu

³⁹FCO 15/2236 laporan J. M. Cresswell dari Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur bertajuk "*The Kelantan Crisis: Parliamentary Debate*" kepada G A S Wong Esq, SEAD FCO bertarikh 14 November 1977. Hlm. 2; FCO 15/2234 laporan Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur bertajuk "*Monthly Security Round Up—November 1977*" kepada Menteri Pertahanan British bertarikh 2 Disember 1977. Hlm. 3-5; Lihat juga FCO 15/2234 laporan Suruhanjaya Tinggi British di Kuala Lumpur bertajuk "*Monthly Security Round Up—Oktober 1977*" kepada Menteri Pertahanan British bertarikh 7 Disember 1977, hlm. 3-5.

⁴⁰UMNO melalui tiket Barisan Nasional telah memenangi 24 kerusi melalui Abdullah Che Him (DUN Bandar Pasir Mas), Abdullah Haji Mohammad (DUN Pulau Chondong), Abdul Ghani Abu Bakar (DUN Gua Musang), Abdul Samad Derahman (DUN Jeli), Abdul Latiff Abdul Rahman (DUN Bukit Panau), Ahmad Rostam Ahmad Maher (DUN Telipot), Ariffin Mahmood (DUN Ketereh), Foo Chow Yong (DUN Sungai Keladi), Mohamad Yaacob (DUN Ayer Lanas), Mohammad Hussin (DUN Semut Api), Hussein Ahmad (DUN Gual Periu), Ibrahim Muhammad (DUN Bandar Machang), Che Lat Kassim (DUN Sungai Pinang), Mohamaad Haji Hassan (DUN Jelawat), Mohamaad Isa (DUN Guchill) Mustapha Yaacob (DUN Gual Ipoh), Omar Awang Kechik (DUN Wakaf Bharu), Raja Mahmud Raja Mamat (DUN Bandar Pasir Putih), Salleh Che Harun (DUN Temangan), Wan Mohamed Wan Abu Bakar (DUN Selising), Wan Omar Wan Majid (DUN Cherang Ruku), dan Yahaya Yusoff (DUN Sungai Rasau). Sila rujuk kepada *Keputusan Pilihan raya DUN Kelantan 1978*.

⁴¹BERJASA memenangi 11 kerusi melalui Mohamed Nasir (DUN Tendong), Daud Yatimie Ahmad Yatim (DUN Tok Uban), Wan Mohamed Ahmad (DUN Perupok), Hanifa Ahmad Yatim (DUN Meranti), Mohd Daud Mohd Ali (DUN Tawang), Mohd Suffian Awang (DUN Salor), Nik Bahari Shah Jusoh (DUN Kubang Kerian), Noor Mohamaad Din (DUN Lemal), Omar Ibrahim (DUN Kemumin), Tahir Abdul Aziz (DUN Simpangan), dan Wan Hashim Wan Ahmad (DUN Peringat). Sila rujuk *Keputusan Pilihan raya DUN Kelantan 1978*.

⁴²Kejayaan PAS memenangi 2 kerusi diibarat sebagai "batu nisan". PAS memenangi DUN Sering melalui Nik Abdullah Arshad yang mengalahkan calon BERJASA, Ismail Abdullah dengan mojariti 84 undi. Manakala kerusi Manek Urai pula, calon PAS, Wan Abdullah Wan Su mengalahkan calon UMNO Hussein Sulaiman dengan mojariti 96 undi. Mohd Asri telah menyenaraikan tiga faktor yang menyebabkan kekalahan PAS, iaitu: Pertama, penaburan fitnah oleh UMNO yang dimulai lama dahulu dan ditaburkan begitu meluas terhadap PAS semasa kerajaan negeri di bawah pemerintahan MAGERAN sehingga PAS tidak dapat menangkis. Kedua, janji-janji pembangunan yang melampaui hadnya dibuat oleh UMNO. Ketiga, Intimidasi yang hebat, iaitu ugutan-ugutan yang sungguh dahsyat hingga menimbulkan ketakutan dalam kalangan rakyat.

telah berjaya memenangi 24 kerusi daripada 36 kerusi DUN. Rakan kongsi strategik UMNO dalam pilihan raya itu, iaitu BERJASA, sebuah parti serpihan PAS pula memenangi 11 kerusi. Manakala PAS pula telah memenangi dua kerusi melalui Nik Abdullah Arshad di DUN Sering dan Wan Abdullah Wan Su di DUN Manek Urai.⁴³ Hasil kejayaan menyaksikan Mohamad Yaacob yang sebelum ini Ketua Jajahan Bachok, Hakim Mahkamah, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Kewangan, Menteri Pelajaran, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Menteri Perusahaan Awam telah dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan kelima pasca negara mencapai kemerdekaan.

Manakala Timbalan Menteri Besar pula adalah ADUN Gual Periok, Hussein Ahmad. Sementara itu empat orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan daripada UMNO iaitu ADUN Sungai Pinang, Che Lat Kassim, ADUN Bandar Pasir Puteh, Raja Mahmud Raja Mamat, ADUN Gua Musang, Abdul Ghani Bakar, dan ADUN Semut Api, Mohammad Hussin. Sementara tiga orang ADUN daripada BERJASA yang dilantik sebagai Ahli MMN ialah ADUN Peringat, Wan Hashim Wan Ahmad, ADUN Meranti, Hanifa Ahmad dan ADUN Simpangan, Tahir Aziz. Manakala jawatan Speaker DUN pula adalah ADUN Tok Uban, Daud Yatimee Ahmad daripada BERJASA.⁴⁴

Pasca PRU DUN Kelantan 1978, Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Tun Hussein Onn telah memperuntukkan peruntukan kewangan sebanyak RM1,700 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan hampir RM2,800 juta melalui Rancangan Malaysia Keempat untuk pembangunan negeri Kelantan. Peruntukan kewangan yang amat besar dapat dilihat dengan pembinaan lebuh raya-lebuh raya utama di Kelantan seperti pembinaan Lebuh Raya Timur Barat yang menghubungkan Kelantan dengan Perak, Lebuh Raya Kuala Krai-Gua Musang-Kuala Lipis, dan Lebuh Raya Simpang Pulai-Gua Musang- Kuala Berang. Pembinaan lebuh raya utama itu dibuat bagi menarik lebih banyak para pelabur asing untuk melabur di Kelantan. Beberapa kawasan perindustrian baru telah dibuka di Pengkalan Chepa I, Pengkalan Chepa II, Tanah Merah, Jeli, Jakar, Dabong, Kuala Krai, Kuala Balah, Lundang dan Gua Musang. Tengku

⁴³ Laporan Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 1978 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Umum Malaysia. Hlm. 8-10.

⁴⁴Warta Kerajaan Kelantan. 1978. 5 Mac . No. 25. Jld. 43; Fail Pelantikan MB Kelantan [SUK (KN) Sulit 26/59/ Jld. 1 (57). 1; Fail Pelantikan TMB Kelantan [SUK (KN) Sulit 26/59/ Jld. 1 (53). 1; Fail Pelantikan MMK Kelantan [SUK (KN) Sulit 26/59/ Jld. 1 (53). 1; Fail Pelantikan Speaker Kelantan [SUK (KN) Sulit 26/59/ Jld. 1 (53). 1.

Razaleigh Hamzah juga memperkenalkan serta mengstrukturkan semula pembangunan tanah ala-Kelantan dengan menubuhkan KESEDAR pada tahun 1979 sebagai lanjutan legasi daripada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTNK) dan Perbadanan Pembangunan dan Pemulihan Tanah Negeri Kelantan Darulnaim (TAKDIR) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebelum ini (Mustafa Ahmad 2009: 56).

Di samping itu, Tengku Razaleigh Hamzah telah bertanggungjawab dalam membina Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di Kubang Kerian. Beliau juga telah memperkemaskan sistem pentadbiran kerajaan negeri dengan menubuhkan Jabatan Agama Islam Kelantan, Yayasan Islam Kelantan (YIK), penubuhan dua jajahan baharu (Jeli dan Gua Musang), pembinaan Kompleks Kota Darulnaim (Pusat Pentadbiran Kerajaan Kelantan), pembinaan Balai Islam Lundang, membiayai aktiviti PKINK, dan kompleks-kompleks penggawa daerah di Telong, Tawang, Pengkalan Kubor, Sungai Pinang, Wakaf Bharu, Semerak, Bukit Jawa, Ketereh, Pangkal Meleret, Badang, Panyit, Gual Periok, Hulu Kusial, Galas, Dabong, Pulau Chondong, Batu Melintang, Rantau Panjang, Jedok, Jeram, Bukit Panau, Mengkebang, dan Olak Jeram. Pembinaan kompleks-kompleks penggawa daerah adalah sebahagian daripada manifesto Pilihan Raya Negeri Kelantan 1978. Pembinaan kompleks-kompleks penggawa daerah dilihat sebagai strategi politik Kerajaan UMNO Kelantan untuk menarik sokongan institusi tersebut yang begitu berpengaruh dalam kelangsungan politik Kelantan (Mustafa Ahmad 2009).

Dengan peruntukan kewangan yang besar menyebabkan Kelantan yang selama ini dikenali sebagai negeri berbelanjawan kecil, sering dipinggirkan oleh Kerajaan Persekutuan daripada segenap aspek pembangunan telah mengalami pembangunan yang paling pesat melebihi negeri-negeri lain di Malaysia. Keadaan ini menyebabkan pucuk pimpinan atasan sekalipun menyokong tindakan dan kemahuan Tengku Razaleigh sehingga pada satu tahap nama beliau dan UMNO Kelantan merupakan dua institusi yang tidak dapat dipisahkan lagi, namun dalam masa yang sama telah melahirkan sikap tidak senang dengan tindakan beliau itu kerana terlalu menumpukan perhatian terhadap pembangunan di negeri tersebut. Ini terbukti apabila Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn telah mengeluarkan kata-kata yang antara lain berbunyi: “Orang negeri ini (Kelantan) tidak perlu khuatir. Mereka mempunyai Tengku Li. Bagi Tengku Li dah tidak ada apa lain dah: Kelantan, Kelantan, Kelantan” (A Ghani Ismail 1984).

Tambahan pula status Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Menteri Kewangan merupakan "patron" untuk mengagihkan lesen-lesen, permit-permit, saham-saham, kelulusan projek-projek dan peruntukan-peruntukan kepada sebahagian para pemimpin UMNO terutama masyarakat perdagangan dan perindustrian berdasarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB).⁴⁵ Pengagihan ini bertujuan untuk mendapat sokongan para pemimpin parti tersebut demi kepentingan "*political milage*" beliau.⁴⁶ Walau bagaimanapun status Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan mulai terjejas, apabila beliau telah disingkirkan daripada jawatan tersebut pada 14 Julai 1984. Penyingkiran itu telah memberikan jendela peluang kepada PAS untuk merampas kembali pemerintahan negeri Kelantan, apabila pengganti beliau, Mohamed Yaacob yang juga Menteri Besar Kelantan dilihat sebagai seorang pemimpin yang tidak mampu menandingi keupayaan kepimpinan Tengku Razaleigh dalam menangani kemelut politik UMNO negeri itu. Kemelut-kemelut politik seperti perebutan jawatan Presiden UMNO di antara Tengku Razaleigh Hamzah dan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 24 April 1987 telah menyebabkan rasa tidak puas hati segelintir ahli-ahli UMNO yang dikenali sebagai "Kumpulan 11".⁴⁷ Enam ahli kumpulan tersebut iaitu Muda Yaakob,⁴⁸ Mohd Yusoff Yunus,⁴⁹ Abdul Rahman

⁴⁵Surat Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertajuk "Tengku Razaleigh Dalam Kabinet" bertarikh 5 Julai 1984.

⁴⁶Surat Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertajuk "Tengku Razaleigh Dalam Kabinet" bertarikh 5 Julai 1984.

⁴⁷Kumpulan 11 dikenali sebagai kumpulan yang bertanggungjawab menyebabkan UMNO (lama) diharamkan. Tindakan mereka menyaman UMNO di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur adalah lanjutan daripada Perhimpunan Agung UMNO pada 24 April 1987 yang pada dakwaan mereka sebagai tidak sah atas beberapa faktor: Antaranya wujudnya lebih daripada 30 cawangan UMNO yang tidak didaftarkan di bawah Akta Pendaftar Pertubuhan 1966 terlibat sama secara langsung mahupun tidak langsung sebagai perwakilan Bahagian di Perhimpunan tersebut. Perkara ini terdapat di Bahagian Machang, Rantau Panjang (Kelantan), Nibong Tebal (Pulau Pinang), dan Pekan (Pahang), Wujud perwakilan wanita yang hadir di Mesyuarat Pergerakan Wanita (Pekan) di bawah umur 16 tahun yang mengikut perlembagaan UMNO tidak sah menjadi ahli, wujud Perwakilan Pemuda UMNO yang lebih umur dipilih sebagai perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO dan mengundi. Implikasi daripada tindakan Kumpulan 11 ini akhirnya UMNO telah diharamkan oleh Hakim Dato' Harun Hashim pada 4 Februari 1988 di bawah Seksyen 70 Akta Pertubuhan 1966. Ahli Kumpulan 11 ini terdiri daripada Mohd Noor Othman (Cawangan Bukit Tambun), Mohd Yusoff Othman (Cawangan Kampung Baru), Muda Yaakob (Cawangan Bukit Yong A), Abdul Rahman Yaakob (Cawangan Batu Hitam), Mohd Yusoff Yunus (Cawangan Gong Kedak), Abdul Rahman Hassan (Cawangan Pangkal Meleret), Daud Che Soh (Cawangan Kampung Pek, Machang), Mohammad Noor Senik (Cawangan Pengkalan, Machang), Kamaruddin Haji Awang Teh (Bahagian Berau), Abdul Rahim Abdul Rahman (Bahagian Teluk Kemang), dan Ahmad Mokhtar Mohammad (Cawangan Bentan, Pekan) (Chamil 1990; Mohd. Foad 1999: 89).

⁴⁸Surat Ketua UMNO Cawangan Bukit Yong A, Pasir Puteh, Muda bin Yaacob kepada YB Dato Sri Sanusi Junid, Setiausaha Agung UMNO Malaysia bertajuk "Perjumpaan dengan Jawatankuasa Khas UMNO pada 12 Oktober 1987. Surat tersebut juga turut memuatkan biodata tentang Muda bin Yaacob. Beliau dilahirkan pada tahun 1937. Ahli UMNO sejak tahun 1955 ini mempunyai seorang isteri dan lapan orang anak. Perkerjaan sebagai petani dan penoreh getah. Muda bin Yaacob merupakan Ketua Cawangan UMNO Bukit Yong A dalam Bahagian Pasir Puteh.

⁴⁹

Surat Ketua UMNO Cawangan Gong Kedak, Pasir Puteh, Mohd Yusoff Yunus kepada YB Dato Sri Sanusi Junid, Setiausaha Agung UMNO Malaysia bertajuk "Perjumpaan dengan Jawatankuasa Khas pada 12 Oktober 1987. Surat tersebut juga turut memuatkan biodata tentang Mohd Yusoff Yunus yang mula menyertai UMNO pada tahun 1964. Beliau mempunyai seorang

Yaacob,⁵⁰ Abdul Rahman Hassan,⁵¹ Daud Che Soh⁵² dan Mohammad Nor Senik⁵³ ialah kepimpinan lokal UMNO Kelantan. Kumpulan 11 pimpinan Ahmad Mokhtar Mohammad dari UMNO Cawangan Pekan Lama dalam Bahagian Pekan telah menyaman UMNO di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.⁵⁴

Saman ini telah menyebabkan parti itu diharamkan pada 4 Februari 1988. Ini membawa kepada tertubuhnya UMNO (Baru) di bawah pimpinan Tun Dr.Mahathir pada 16 Februari 1988 dan Parti Semangat 46 di bawah pimpinan Tengku Razaleigh pada 11 Mei 1989. Kedua-dua parti yang mendakwa mewarisi legasi perjuangan UMNO lama ini terus bertelagah sehingga Pilihan Raya Umum 1990 yang berlangsung pada 21 Oktober 1990. Dalam PRU itu, PAS telah mengambil kesempatan politik dengan pakatan yang amat longgar telah menubuhkan APU bersama Parti Semangat 46, BERJASA dan HAMIM telah berjaya memenangi kesemua 39 kerusi DUN dan 13

isteri serta lapan orang anak. Perkerjaan sebagai petani serta berkerja kampong. Mohd Yusoff Yunus merupakan Ketua UMNO Cawangan Gong Kedak dalam Bahagian Pasir Puteh.

⁵⁰

Surat Ketua UMNO Cawangan Batu Hitam, Pasir Puteh, Abdul Rahman bin Yaacob kepada Abdullah Ahmad Badawi, Sanusi Junid, Kadir Sheikh Fadhil, Husin Ahmad dan Napsiah Omar bertajuk “Tindakan Mahkamah Di Atas Persidangan UMNO” pada 12 Oktober 1987. Surat tersebut juga turut memuatkan biodata tentang Abdul Rahman Hassan yang menyertai UMNO pada tahun 1969. Telah beristeri dan mempunyai lima orang anakanda. Perkerjaannya sebagai Tukang Kebun di Sekolah Kebangsaan dalam Jajahan Pasir Puteh. Beliau merupakan Ketua UMNO Cawangan Batu Hitam dalam Bahagian Pasir Puteh. Abdul Rahman Yaakob mereupakan calon BN DUN Gaal dalam PRU1999 dan Calon PKR dalam PRU2018.

⁵¹

Surat Ketua UMNO Cawangan Pangkal Meleret, Abdul Rahman Hassan bertarikh 2 Oktober 1987. Surat tersebut juga turut memuatkan biodata tentang Abdul Rahman Hassan yang dilahirkan pada tahun 1932. Seorang ahli perniagaan. Mempunyai seorang isteri dan tiga orang anak. Abdul Rahman Hassan merupakan Ketua UMNO Cawangan Pangkal Meleret dalam Bahagian Machang.

⁵²Surat Ketua UMNO Cawangan Kampung Pek, Machang, Daud Che Soh bertajuk “Temuramah” bertarikh 12 Oktober 1987. Surat tersebut juga turut memuatkan biodata tentang Daud Che Soh yang dilahirkan pada tahun 1938. Mempunyai seorang isteri dan 11 orang anak. Mantan sarjan dalam pasukan polis. Daud Che Soh merupakan Ketua UMNO Cawangan Kampung Pek dalam bahagian Machang.

⁵³Surat Ketua UMNO Cawangan Pengkalan Machang, Mohammad Nor Senik bertajuk “Perjumpaan Ramah Tamah Jawatankuasa Khas Majlis Tertinggi UMNO dengan 12 Pendakwa” bertarikh 12 Oktober 1987. Surat tersebut juga turut memuatkan biodata tentang Mohammad Nor Senik yang dilahirkan pada tahun 1942. Mempunyai seorang isteri serta tiga orang anak. Pesara tentera ini merupakan ahli UMNO Cawangan Pengkalan Machang dalam Bahagian Rantau Panjang.

⁵⁴Surat Ahmad Mokhtar Haji Mohamad, Ahli UMNO Malaysia Cawangan Pekan Lama, Pekan kepada Yang Berhormat Dato Sri Setiausaha, Jawatankuasa Khas Majlis Tertinggi UMNO, Merangkap Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Bangunan UMNO Malaysia, Tingkat 38, Kuala Lumpur bertajuk “Tuntutan Mengisytiharkan Perhimpunan UMNO 24 April 1987 Tidak Sah dan dibatalkan” bertarikh 12 Oktober 1987. Surat tersebut juga turut memuatkan biodata tentang Ahmad Mokhtar Haji Mohamad yang dilahirkan pada tahun 1942 di Pahang. Mendapat pendidikan Melayu, Arab dan Inggeris. Mula menyertai UMNO pada tahun 1966 sebagai ahli biasa di Cawangan Telipot, Bahagian Kota Bharu. Ahmad Mokhtar Haji Mohamad berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Sejarah) dari Universiti Malaya serta Sarjana Pentadbiran dan Pengurusan Hospital dari University of Minnesota, Amerika Syarikat. Pernah menjawat jawatan sebagai guru, pegawai penyelidik, Eksekutif Pemasaran, Penolong Pengarah Kewangan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Pentadbir Hospital Universiti Malaya serta jawatan terakhir sebagai Ketua Pentadbir Pusat Rawatan Tawakal, Kuala Lumpur. Dalam politik beliau merupakan Ketua UMNO, Cawangan Bentan, Bahagian Tanjung Karang serta AJK UMNO Cawangan Pekan Lama dalam Bahagian Pekan, Pahang. Beliau meninggal dunia pada tahun 1991.

kerusi Parlimen yang dipertandingkan.⁵⁵ Kekalahan UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1990 itu telah menandakan bahawa parti itu telah mengalami zaman kelemahan semula.

Era Kelemahan Semula UMNO Kelantan (21 Oktober 1990-11 Mei 2020)

Tamparan paling hebat yang dialami oleh UMNO Kelantan berikutan kekalahan dalam PRU 1990 telah memaksa parti itu melakukan rombakan semula struktur pentadbirannya dengan menyingkirkan para pemimpin veteran antaranya ialah Mohamad Yaacob sebagai Pengerusi Badan Perhubungan, Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail, Timbalan Pengerusi Perhubungan, Haji Jelani Jaafar, Ketua UMNO Bahagian Pasir Putih, Mustapha Yaacob, Ketua UMNO Bahagian Machang, Abdullah Ahmad, Ketua UMNO Bahagian Kok Lanas, dan Dr. Nik Hussein Nik Abdul Rahman, Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai. Struktur baru dalam rombakan pentadbiran UMNO Kelantan telah menyaksikan Tun Dr. Mahathir selaku Presiden parti telah dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO, manakala Annuar Musa pula telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan. Pelantikan Annuar Musa dilihat sebagai "*de facto*" adalah bertujuan untuk mengembalikan kekuasaan UMNO dalam kelangsungan politik negeri tersebut. Turut ditonjolkan dalam kelangsungan politik Kelantan ialah para pemimpin muka baru seperti Kamaruddin Mohd Nor dari UMNO Bahagian Pasir Putih, Kamaruddin Jaafar dari UMNO Bahagian Tumpat, Hashim Saffin dari UMNO Bahagian Tanah Merah, Ismail Mamat daripada UMNO Bahagian Machang, Mohd Zain Ismail dari UMNO Bahagian Rantau Panjang, Dr. Ismail Mat dari UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Wan Zahid Wan Abdullah dari UMNO Bahagian Kuala Krai, Ariffin Abdul Hamid dari UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Supardi Mohd Noor dari UMNO Bahagian Tanah Merah, Zaiyadi Awang Noh dari UMNO Bahagian Bachok, serta Zahari Wahab, Tuan Hashim Tuan Yaacob dan Mohd Fatmi Che Salleh dari UMNO Bahagian Kota Bharu.

Selain daripada itu, seorang pemimpin baru turut ditonjolkan sebagai pemimpin *de facto* dalam UMNO Negeri Kelantan iaitu Mustapha Mohamad, anak kelahiran Mukim Badak, Bachok. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi Kelas Pertama dari Universiti of Melbourne, Australia dan Sarjana Ekonomi dari Boston University, Amerika Syarikat dilihat sebagai salah

⁵⁵ Sila rujuk Laporan Keputusan Pilihan raya Umum 1990 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

seorang proksi utama kepada Tun Daim Zainuddin kerana beliau pernah bertugas sebagai Setiausaha Sulit serta kemudiannya Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan Malaysia itu untuk beberapa ketika. Nama beliau telah direstui oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan sebagai salah seorang daripada tiga orang calon Kelantan yang bertanding kerusi Majlis Tertinggi UMNO pada bulan November 1993 selain Annuar Musa dan Ahmad Shahibuddin Mohd Nor (Mustafa Ahmad 2009: 143).

Dalam usaha mengembalikan Kelantan kepada kekuasaan UMNO, Annuar Musa telah mengambil tindakan paling agresif dalam sejarah negeri itu. Beliau telah begitu mengecam pembabitan Sultan dan Raja Perempuan Kelantan dalam kelangsungan politik negeri itu secara terbuka. Baginda berdua dikatakan telah mencampuri urusan Pilihan Raya Umum 1990 dengan menyokong Tengku Razaleigh Hamzah yang merupakan bapa saudara kepada Raja Perempuan Kelantan. Kecaman itu menyebabkan berlakunya beberapa peristiwa yang mengaibkan Sultan dan Raja Perempuan di kalangan masyarakat negeri itu. Di antaranya penghantaran memorandum oleh Che Johan Che Pa di hadapan pintu pagar Istana Balai Besar, Kota Bharu membantah tindakan baginda yang dituduh campurtangan dalam hal-ehwal politik negeri itu. Memorandum itu juga meminta supaya baginda turun takhta jika ingin berpolitik (Mustafa Ahmad 2009: 144).

Seterusnya diikuti oleh Ahli Parlimen Arau, Shahidan Kassim yang mempertikai kesahihan takhta Sultan Kelantan yang kononnya tidak sah dalam Persidangan Parlimen pada bulan Julai 1993, sebaliknya beliau menyatakan pewaris takhta yang sah ialah Tunku Ibrahim Petra, putera kepada Tengku Indera Petra. Kenyataan politik yang tidak berlandaskan kepada fakta sejarah Shahidan Kassim telah mendapat reaksi positif dari UMNO Kelantan di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir dan Annuar Musa. Sambutan terhadap Tunku Ibrahim Petra yang merupakan Pengerusi Petra Finance telah diadakan secara besar-besaran di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa. Beliau kemudiannya ditabalkan sebagai "Sultan Baru" di bawah Pohon Derdap, di Ketereh oleh Annuar Musa dengan laungan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali (Musatafa Ahmad 2009: 115).

Pertabalan "Sultan Baru" anjuran Annuar Musa serta UMNO Kelantan bertujuan untuk memecahbelahkan keluarga Diraja Kelantan dan membalas dendam kepada Sultan dan Raja

Perempuan Kelantan yang sering kali dituduh campurtangan dalam urusan politik dengan menyebelahi Tengku Razaleigh dalam Pilihan Raya Umum 1990. Tindakan Annuar Musa dan UMNO Kelantan menabalkan Tengku Ibrahim Petra sebagai "Raja Di Ketereh" dilihat juga sebagai simbol protes politik kepada Sultan dan Raja Perempuan Kelantan. Di samping itu juga pertabalan Tengku Ibrahim Petra juga dilihat sebagai sokongan politik Annuar Musa terhadap Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir yang berhadapan dengan Raja-Raja Melayu dalam krisis Perlembagaan Negara 1993 (Tarmizi Mohd Jam 1993: 45-47).

Situasi ini diperburukkan lagi dengan sikap para pemimpin UMNO Kelantan yang kelihatan tidak mengiktiraf pilihan rakyat melalui proses pembangunan yang sepatutnya dilaksanakan di negeri itu. Perkara ini terbukti dengan sikap para pemimpin UMNO Kelantan yang menerima kehadiran Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) yang diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir dan Diplomati (PTD), Mohamad Nor Abdul Rahim yang disifatkan sebagai "*a state within a state*" justeru agensi kerajaan ini turut terlibat dengan pelantikan Ketua Penyelia Pembangunan Mukim (KPPM) serta Penyelia Pembangunan Mukim (PPM). Hal ini dianggap oleh masyarakat Kelantan sebagai usaha menyaingi dominasi kuasa para pegawai daerah dan penghulu mukim, terutamanya yang berkaitan dengan pengagihan nikmat pembangunan ekonomi seperti pemberian subsidi baja padi, benih padi, pukot, sampan, rancangan tanaman semula getah kepada masyarakat Kelantan yang rata-rata terdiri daripada para petani, nelayan serta pekebun kecil (Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latiff 1995).

Begitu juga Enakmen Kanun Jenayah Syariah 11 (HUDUD), Projek Elektrik Hidro Empangan Pergau di Jajahan Jeli, Projek Bekalan Air Kelantan Utara (BAKU) dan Geran Keseimbangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah merenggangkan hubungan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Jadi, situasi berkenaan menyebabkan masyarakat Kelantan semakin memandang negatif terhadap para pemimpin UMNO Kelantan khususnya Tun Dr. Mahathir Mohamad, Annuar Musa, Ahmad Shahibuddin Mohd Noor, Hassan Harun, Zainal Abidin Abdul Kadir, Mansor Salleh, Kamaruddin Mohd Noor, Wan Zahid Wan Abdullah dan Ibrahim Ali. Situasi bertambah runcing apabila para pemimpin parti berkenaan di peringkat cawangan dan bahagian telah melakukan tindakan menyusahkan masyarakat Kelantan, terutamanya dengan

pengagihan projek-projek Kerajaan Persekutuan berbentuk subsidi antaranya baja padi dan skim pinjaman buku teks kepada masyarakat negeri itu (Mohd Sayuti Omar 2007: 67-68).

Usaha menawan kembali Kelantan oleh para pemimpin UMNO juga diperteguhkan dengan memaparkan imej “ulama” UMNO, bukan lagi dengan paparan ulama tradisional, konservatif, berserban dan berkopiah tetapi sebagai “ulama progresif dan moden” dengan bersongkok, berbaju kot dan bertali leher. Misalnya dengan penonjolan Ketua Pengarah Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, Zainal Abidin Abdul Kadir yang berasal dari Mukim Melor, Kota Bharu. Zainal Abidin Abdul Kadir adalah anakanda kepada Tuan Guru Haji Abdul Kadir Sulaiman, cucunda kepada Mantan Penggawa Daerah Peringat, Wan Mahmud Bulat., Beliau merupakan saudara lelaki kepada Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat (1982-1990), Wan Asma Abdul Kadir. Zainal Abidin Abdul Kadir merupakan tokoh baru yang cuba ditonjolkan oleh kepimpinan UMNO pusat untuk diterima oleh masyarakat Kelantan sebagai Menteri Besar negeri itu, sekiranya UMNO berjaya merampas Kelantan dari PAS. Penonjolan Zainal Abidin Abdul Kadir dibantu oleh peranan media massa pro-kerajaan yang menonjolkan kepimpinan, imej, personaliti, dan rekod pentadbiran beliau yang baik semasa berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri (Mustafa Ahmad 2009).

Penonjolan itu juga dengan harapan mewujudkan kesan kepimpinan Zainal Abidin Abdul Kadir sebagai strategi politik alternatif untuk menandingi kepimpinan Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Selain itu, Mustapha Mohamed juga telah ditonjolkan oleh kepimpinan UMNO Pusat setelah imej dan personaliti Annuar Musa dilihat semakin mengalami kemerosotan pengaruh, ekoran krisis dengan Istana Kelantan menyebabkan beliau dilihat semakin tidak popular oleh khalayak masyarakat negeri tersebut. Penonjolan Mustapha Mohamad adalah sebagai strategi politik alternatif dalam usaha menandingi kepimpinan Tengku Razaleigh dalam kelangsungan politik Kelantan. Walau bagaimanapun, hasrat kepimpinan UMNO Kelantan untuk merampas kembali negeri itu gagal direalisasikan dalam PRU 1995 (Mustafa Ahmad 2019).

PRU tersebut telah menyaksikan UMNO hanya mampu memperolehi 7 kerusi DUN iaitu DUN Pengkalan Kubor melalui Mat Nawawi Jusoh, DUN Kota Lama melalui Leong Su Siang, DUN Melor melalui Zainal Abidin Abdul Kadir, DUN Ketereh melalui Ariffin Mahmood, DUN

Kemahang melalui Mohd Adham Kechik, DUN Kuala Balah melalui Abdul Aziz Derashid serta DUN Guchill melalui Mohd Razali Che Mamat. Di peringkat Parlimen pula UMNO hanya mampu memenangi dua kerusi parlimen iaitu Parlimen Jeli melalui Mustapha Mohamed yang mengalahkan calon Parti Semangat 46, Haji Zianon Abdin Ali dengan majoriti 532 undi dan Parlimen Peringat melalui Annuar Musa yang mengalahkan calon Parti Semangat 46, Haji Rafie Mat Salleh dengan majoriti 1,935 undi.

Walau bagaimanapun, jumlah undi popular UMNO meningkat sebanyak 10 peratus daripada 32.8 peratus pada tahun 1990 kepada 42.8 peratus pada tahun 1995, berbanding jumlah undi popular PAS 25.4 peratus dan Parti Melayu Semangat 46 pula memperoleh jumlah undi popular sebanyak 31.2 peratus. Kejayaan UMNO meningkatkan jumlah undi popular dalam kalangan masyarakat Kelantan disambut baik oleh penyokong-penyokong parti. Pola pengundian Pilihan Raya Umum 1995 disifatkan oleh kepimpinan UMNO Kelantan sebagai potensi kebangkitan semula untuk parti berkenaan merampas kembali negeri itu. Tambahan pula krisis Semangat 46 dan PAS dalam Kerajaan Kelantan pasca PRU1995 telah menambahkan potensi, harapan dan keyakinan tersebut.⁵⁶

Potensi, harapan dan keyakinan semakin terserlah berikutan penyertaan semula Tengku Razaleigh Hamzah serta anggota-anggota Parti Semangat 46 ke dalam UMNO secara "*enbloc*" pada bulan November 1996 dan penyertaan semula ini telah dilihat oleh para penganalisis politik dalam dan luar negeri sebagai proses keseimbangan kuasa Tun Dr. Mahathir Mohamad yang semakin tercabar, ekoran tekanan Anwar Ibrahim yang mahu menjadi Perdana Menteri Malaysia secepat mungkin. Penyertaan kembali ini telah mencetuskan banyak implikasi kepada kerjaya politik sehingga menjejaskan kelangsungan politik beberapa kepimpinan utama UMNO

⁵⁶Buletin UMNO Bahagian Bachok Kelantan keluaran September 1996 menyatakan krisis telah mencapai kemuncak, apabila Presiden PAS, Fadzil Nor pada tanggal Julai 1996 telah mengumumkan keputusan Jawatankuasa parti itu di peringkat pusat telah mengambil pendirian memutuskan hubungan dengan Semangat 46. Berikutan keputusan tersebut Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat telah memohon menghadap KDYMM Al-Sultan Kelantan untuk mendapat perkenaan baginda untuk susunan semula Ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Kelewatan mendapat perkenaan tersebut, walaupun Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengutus 3 pucuk surat kepada istana telah menyebabkan beliau telah melucutkan portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dari Semangat 46 iaitu Timbalan Menteri Besar Kelantan, Mohd Rozali Isahak, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Mohd Daud Jaafar dan Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Pelancongan, Nik Mustapha Nik Loding serta membahagi-bahagikan tugas-tugas tersebut kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dari PAS. Namun Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat dari Parti Semangat 46 masih kekal sebagai Ahli Majlis Mesyuarat serta berhak menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat yang diadakan. Krisis tersebut berlanjutan hampir tiga bulan berakhir, apabila Kesemua Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dari Semangat 46 meletakkan jawatan.

Kelantan. Antaranya ialah Annuar Musa, Mustapha Mohamed, Zainal Abidin Kadir, Hussien Ahmad, Hassan Harun, Ibrahim Ali, Ariffin Hamid, Ismail Mamat, Kamaruddin Mohd Nor, Kamaruddin Jaafar, Wan Zahid Wan Abdullah dan Ahmad Shahibuddin Mohd Noor yang bercita-cita untuk menjadi para pemimpin utama dalam kelangsungan parti berkenaan di Kelantan.

Menjelang PRU 1999, Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui strategi "politik dalam politik" telah melantik Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan, ketika parti itu menghadapi kemelut dalaman yang serius, tetapi dalam masa yang sama tetap mengekalkan Annuar Musa sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan dan Pengerusi Barisan Nasional Kelantan. Turut juga dilantik adalah Ahmad Shahibuddin Mohd Nor sebagai Setiausaha, Dr. Nik Hussein Abdul Rahman sebagai Bendahari, Zainal Abidin Abdul Kadir sebagai Ketua Penerangan, Zahari Kechik sebagai Ketua Pemuda, Zaleha Hussein sebagai Ketua Wanita. Manakala Ketua UMNO Bahagian Jeli, Mustapha Mohamad, Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, Hashim Safin. Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Ibrahim Ali, Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Ahmad Rostom Ahmad Maher, Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Mohd Ariffin Abdul Hamid. Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Mohd Nor, Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Wan Zahid Wan Abdullah, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Mohd Zain Ismail, Ketua UMNO Bahagian Machang, Ismail Mamat, Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Mansor Salleh, Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian, Tuan Hashim Tuan Yaacob, Wakil Pemuda, Ahmad Jazlan Yaakub dan Wakil Wanita, Karimah Mohd Nor dilantik sebagai AJK Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan.⁵⁷Pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah ini menyaksikan dalam tempoh yang amat singkat, beliau telah berjaya melakukan satu anjakan paradigma baru ke dalam struktur kepimpinan UMNO Kelantan sehingga masyarakat negeri itu mulai bercakap di khalayak umum tentang jendela peluang parti kembali memerintah di seluruh negeri itu. Beliau turun ke kampung-kampung sebagai simbolik bagaimana seorang pemimpin di peringkat nasional boleh dan mampu bersama rakyat di peringkat akar umbi sebagaimana dilakukannya di tahun-tahun 1960-an, 1970-an, dan 1980-an. Namun begitu, Tengku Razaleigh Hamzah tidak mampu mengulangi kejayaannya sebagaimana Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 1978, justeru tsunami

⁵⁷Lihat laporan unit komputer, Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan

politik Melayu ekoran pemecatan Anwar Ibrahim dari kerajaan dan parti begitu hebat di atas tuduhan "Anwargate" seperti menyalahguna kuasa dan skandal seks, sehingga UMNO Negeri Kelantan hanya mampu memenangi satu kerusi parlimen iaitu Parlimen Gua Musang melalui Tengku Razaleigh Hamzah yang mengalahkan calon PAS, Abdul Razak Abas dengan majoriti 2,925 undi dan 2 kerusi DUN Paloh melalui Norzula Mat Diah yang mengalahkan calon Parti Keadilan, Nik Abdul Aziz Nik Hassan dengan majoriti 1, 634 undi dan DUN Galas melalui Mohd Saufi Derahman yang mengalahkan calon Parti Keadilan, Zulkifi Mohamad dengan majoriti 2, 264 undi dalam Pilihan Raya Umum 1999, yakni mengulangi sejarah Pilihan Raya Umum 1959.⁵⁸

Sementara itu beberapa para pemimpin UMNO Kelantan telah mengalami kekalahan dalam Pilihan Raya Umum itu diluar jangkaan. Antaranya Annuar Musa, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah mengalami kekalahan di Parlimen Peringat kepada calon Parti KeADILAN, Mohammad Mustafa dengan majoriti 4,525 undi. Manakala Mustapha Mohamad yang merupakan Menteri Kewangan II dan Menteri Pembangunan Usahawan juga mengalami kekalahan di Parlimen Jeli kepada calon PAS, Mohd Apandi Mohammad dengan majoriti 693 undi. Kekalahan teruk UMNO Kelantan dalam Pilihan Raya Umum 1999 itu telah membuktikan masyarakat Kelantan menolak kepimpinan parti itu. Ternyata perpecahan dan perbalahan di kalangan para pemimpin UMNO telah membawa padah kepada parti itu untuk berkuasa di Kelantan.⁵⁹

Pasca PRU1999, Tengku Razaleigh Hamzah dilihat sebagai satu-satunya tokoh yang paling berwibawa sekali untuk menentang Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi jawatan presiden parti. Namun, percubaan beliau tidak menjadi kenyataan kerana ahli-ahli UMNO terus memberikan sokongan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Abdullah Ahmad Badawi. Di samping itu, Tengku Razaleigh Hamzah dilihat tidak lagi mempunyai ramai penyokong dalam kalangan akar umbi sebagaimana tahun 1970-an, 1980-an dan awal tahun 1990-an. Beliau seterusnya dilihat sebagai mangsa daripada struktur parti demokrasi illiberal seperti UMNO ekoran kegagalannya melepasi had kelayakan pencalonan untuk bertanding jawatan Presiden parti. Impaknya telah

⁵⁸ Lihat Biro Analisis Politik Starategic Info Research Development 2000: 10-11.

⁵⁹ Lihat Biro Analisis Politik Starategic Info Research Development 2000: 10-11.

menyebabkan beliau semakin disisihkan daripada kepimpinan utama UMNO Kelantan. Hal ini terbukti apabila Mustapha Mohamed, seorang proksi ketika itu yang tidak mempunyai pengaruh, pengalaman, dan visi yang jauh, dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan pada bulan Julai 2000. Turut dilantik juga adalah Ketua UMNO Bahagian Peringat, Annuar Musa sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan, Ahmad Rusli Ibrahim (mantan ADUN Salor 1990-1999 dari Semangat 46) sebagai Setiausaha, Dr. Nik Hussein Abdul Rahman sebagai Bendahari, Mohd Noor Deris sebagai Ketua Penerangan, Mohd Rujhan Salleh sebagai Ketua Pemuda, Yusnita Mohd Yusoff sebagai Ketua Puteri dan Nik Azizah Nik Yahaya sebagai Ketua Wanita. Manakala Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Ibrahim Ali, Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, Hashim Safin, Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim, Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Mohd Ariffin Abd Hamid, Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Md Nor, Ketua UMNO Bahagian Bachok, Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Wan Zaid Wan Abdullah, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Mohd Zain Ismail, Ketua UMNO Bahagian Machang, Ismail Mamat, Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Mansor Salleh, Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian, Tuan Hashim Tuan Yaakub, Wakil Pemuda, Dali Hussian, Wakil Wanita, Rohani Daud, dan Setiausaha Kerja, Mohd Nawawi Yaacob sebagai AJK.⁶⁰

Pelantikan Mustapha Mohamad sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan itu dilihat mengundang kemelut-kemelut politik dalam kepimpinan UMNO Kelantan yang tidak berkesudahan. Namun begitu beliau tidak menghiraukannya kemelut-kemelut tersebut. Sebaliknya Mustapha Mohamed telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Abdullah Ahmad Badawi serta Najib Tun Razak dalam merangka "Strategi Menawan Kelantan" dengan menyelesaikan beberapa masalah yang membelanggu kepimpinan UMNO negeri tersebut. Di antaranya masalah hubungan dengan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) perlu diselesaikan segera, kekurangan sumber kewangan dengan pembentukan jawatankuasa di peringkat perhubungan, isu-isu nasional yang memerlukan penjelasan segera di peringkat akar-umbi, pelantikan Provos UiTM Kelantan Kampus Machang, Prof Dato Dr, Hussein Abdul Rahman

⁶⁰Lihat Konvensyen UMNO Negeri Kelantan 2000 pada 7 Oktober 2000 di Hotel Diamond Puteri, Kota Bharu; Peringatan Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan Kali Ke VI/2001 pada 15 Ogos 2001, Jam 11.30 Pagi di Ibu Pejabat UMNO, Tingkat 38, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Hlm. 13-14.

untuk kajian tentang sikap masyarakat Kelantan kepada UMNO dan kes guru-guru YIK—penyerapan guru sangkut ke jawatan tetap dan berpencen.⁶¹

Penumpuan untuk menyelesaikan masalah oleh Mustapha Mohamad mulai membuahkan hasil. Situasi ini dapat dilihat dengan penambahan keahlian UMNO Kelantan sehingga 19 Jun 2003 berjumlah 197,698 orang, 2114 cawangan dengan 58351 lelaki dewasa, 47783 pemuda, 82345 wanita serta 9218 puteri. UMNO Bahagian Gua Musang pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah mempunyai keahlian paling ramai sekali 26,416 orang, 188 cawangan dengan 7396 lelaki, 7486 pemuda, 11121 wanita, serta 413 puteri. Manakala UMNO Bahagian Peringat pimpinan Annuar Musa paling sedikit mempunyai keahlian iaitu 8242 orang dengan 147 cawangan dengan 2371 lelaki dewasa, 1376 pemuda, 3333 wanita dan 1161 puteri.⁶² Walaupun UMNO mempunyai keahlian yang begitu ramai, hampir 38658 orang tidak berdaftar sebagai pemilih dengan UMNO Bahagian Gua Musang paling maksima iaitu 5998 orang, manakala paling minima ialah UMNO Bahagian Kuala Krai pimpinan Wan Zaid Wan Abdullah iaitu 1326 orang.⁶³ Ahli UMNO yang berdaftar sebagai pemilih pula berjumlah 161, 040 orang dengan UMNO Bahagian Gua Musang mempunyai 20418 orang pengundi. UMNO Bahagian Kuala Krai paling sedikit seramai 8101 orang pemilih berdaftar.⁶⁴

Begitupun urusan pentadbiran Mustapha Mohamad kurang disenangi oleh Ketua-Ketua UMNO Bahagian. Beliau dikatakan tidak ada waktu untuk bersemuka dan berbincang dengan kepimpinan UMNO Kelantan yang lain. Mustapha Mohamad juga dilihat sebagai pemimpin yang mempunyai protokol sehingga digelar sebagai “pemimpin lima minit” oleh sebahagian besar masyarakat Kelantan, kerana itulah had waktu yang sering diperuntukkan kepada mereka yang menemuinya. Akibatnya, 12 dari 14 ketua-ketua UMNO Bahagian telah membawa usul undi tidak percaya kepada beliau sehingga memaksanya melepaskan salah satu jawatannya, iaitu

⁶¹

Peringatan Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan Kali Ke VI/2001 pada 15 Ogos 2001, Jam 11.30 Pagi di Ibu Pejabat UMNO, Tingkat 38, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

⁶²Rekod Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan tentang keahlian yang berakhir pada 19 Jun 2003.

⁶³Rekod Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan tentang jumlah ahli tidak berdaftar sebagai pemilih mengikut pecahan kategori bertarikh 29 Jun 2003.

⁶⁴

Rekod Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan tentang jumlah ahli berdaftar sebagai pemilih mengikut pecahan kategori bertarikh 29 Jun 2003.

sebagai Ketua Penerangan UMNO Malaysia sebagai protes terhadap kepimpinan UMNO. Beliau juga dipercayai turut meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan, namun telah ditolak oleh Majlis Tertinggi UMNO Malaysia.⁶⁵

Pada masa yang sama, beberapa siri pertemuan dan perjumpaan yang dipengerusikan oleh Mustapha Mohamad telah dipulau secara sistematik oleh ketua-ketua bahagian UMNO Kelantan antaranya Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Ibrahim Ali, Ketua UMNO Bahagian Bachok, Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian, Tuan Hashim Tuan Yaacob, Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Wan Zahid Wan Abdullah dan Ketua UMNO Bahagian Machang, Ismail Mamat.⁶⁶ Bagi mengatasi kemelut-kemelut politik itu, Mustapha Mohamad sering kali dilihat bertindak drastik dengan melakukan beberapa siri rombakan dan pertukaran dalam Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan sehingga tiga kali.⁶⁷ Dalam rombakan kali ketiga yang dilakukan, Mustapha Mohamed telah melantik Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, dan Ketua Penerangan UMNO Kelantan di kalangan bukan ketua-ketua bahagian. Di antaranya Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Nawawi Mat Jusoh, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Bachok, Dr. Awang Adek Hussein, dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Peringat, Haji Alwi Che Amat. Pelantikan ini juga dilihat sebagai strategi politik Mustapha Mohamad untuk memperkuatkan beliau dalam kelangsungan politik Kelantan dalam menghadapi PRU 2004.⁶⁸ Mustapha Mohamed juga telah mengadakan beberapa program parti, seperti pidato perdana dengan menjemput kepimpinan UMNO dari pusat dan negeri untuk menyampaikan ceramah, penerangan, motivasi, dan aktiviti gotong-royong sebagai langkah memperbaiki serta meningkatkan imej parti dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Dalam menghadapi PRU 2004, kepimpinan Mustapha Mohamad telah dilanda kemelut dalaman parti yang amat serius. Situasi ini telah mendapat perhatian Tun Dr. Mahathir Mohamad sehingga beliau

⁶⁵Surat terbuka Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, Ahli UMNO No, 00000031, 1078, Jalan Dato Lundang, 15200, Kota Bharu bertajuk “ucapan terimakasih” bertarikh 28 Februari 2004.

⁶⁶Surat terbuka Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, Ahli UMNO No, 00000031, 1078, Jalan Dato Lundang, 15200, Kota Bharu bertajuk “ucapan terimakasih” bertarikh 29 Februari 2004.

⁶⁷Surat terbuka Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, Ahli UMNO No, 00000031, 1078, Jalan Dato Lundang, 15200, Kota Bharu bertajuk “ucapan terimakasih” bertarikh 29 Februari 2004.

⁶⁸ Surat terbuka Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, Ahli UMNO No, 00000031, 1078, Jalan Dato Lundang, 15200, Kota Bharu bertajuk “ucapan terimakasih” bertarikh 29 Februari 2004.

mengeluarkan kenyataan bahawa wujudnya kelompok-kelompok “hantu” dalam Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan yang seolah-olah cuba untuk menghalang kemenangan UMNO dalam PRU 2004 (Berita Harian 2002: 2 April).

Walau bagaimanapun kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai noda kecewa beliau kepada UMNO Kelantan, namun ini tidak menghalang Mustapha Mohamad berusaha gigih untuk menawan kembali Kelantan. Situasi ini ditambah pula dengan faktor momentum Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima dengan imej lemah-lembut, warak dan berlatar-belakang keturunan ulamak telah menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 31 November 2003. Tambahan pula kelangsungan politik dan ekonomi negara begitu menyakinkan. UMNO Kelantan telah berjaya mengikis persepsi buruk berdasarkan Mustapha Mohamad sebagai Pengerusi Badan Perhubungan mempunyai status yang kukuh, berwibawa dan dihormati. Tempas faktor momentum kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi yang bersungguh-sungguh melakukan *self-correction* dan reputasi telah menyuburkan perasaan *feel-good* telah meniupkan angin perubahan di seluruh negeri Kelantan.⁶⁹

Bantuan keseluruhan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan terutamanya Jabatan Pembangunan Persekutuan telah memberikan kerjasama penuh kepada jentera Pilihan Raya UMNO. Antaranya KESEDAR, KADA, Kemasin-Semerak, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Kesihatan, RISDA, Majlis Tindakan Pelancongan, JASA, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Penerangan dan lain-lain. Status KESEDAR telah memberi sumbangan besar untuk UMNO Kelantan mencipta kemenangan di Parlimen Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Tanah Merah. Manakala KADA pula meliputi Parlimen Kota Bharu, Ketereh, Kubang Kerian, Tumpat, Pasir Mas, Rantau Panjang, sebahagian Pasir Puteh dan sebahagian Bachok memberikan “*political mileage*” kepada UMNO Kelantan. Lembaga Tembakau Negara (LTN), FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah turut digerakkan membantu UMNO Kelantan. Bagi mencapai matlamat ini pengerusi-pengerusi bagi agensi terbabit berserta Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan dilantik khusus daripada kalangan mereka yang komited dengan perjuangan UMNO.⁷⁰

⁶⁹Laporan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Mustapha Mohamad bertarikh 23 April 2004.

⁷⁰Laporan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Mustapha Mohamad bertarikh 23 April 2004.

Situasi ini telah menyebabkan UMNO Kelantan telah berjaya mencipta kejayaan yang mengejutkan dengan memenangi 21 berbanding 24 kerusi DUN yang diperolehi oleh calon-calon PAS dalam PRU 2004. Kerusi DUN itu ialah DUN Ayer Lanas melalui Mustapha Mohamed, DUN Kok Lanas melalui Annuar Musa, DUN Pengkalan Kubor melalui Nor Zaidi Omar, DUN Wakaf Bharu melalui Mohd Rosdi Abdul Aziz, DUN Tendong melalui Mohd Fauzi Mohammad, DUN Gual Periok melalui Shaari Mat Hussein, DUN Bukit Tunku melalui Mohd Zain Ismail, DUN Jelawat melalui Dr. Ilias Hussein, DUN Melor melalui Azmi Ishak, DUN Gual Ipoh melalui Hashim Saffin, DUN Selising melalui Amran Mohd Noor, DUN Semerak melalui Kamaruddin Mohd Nor, DUN Bukit Bunga melalui Mohd Adham Kechik, DUN Kuala Balah melalui Aziz Derashid, DUN Mengkebang melalui Azizuddin Hussein, DUN Guchill melalui Dr. Shamsul Ikhwan Ashaari Azmi, DUN Manek Urai melalui Mohd Zulkepli Omar, DUN Dabong melalui Ramzi Abdul Rahman, DUN Paloh melalui Norzula Mat Diah, DUN Nenggiri melalui Mat Yusoff Abdul Ghani dan DUN Galas melalui Saufi Derahman.⁷¹ Calon-calon UMNO juga menunjukkan prestasi yang amat cemerlang dengan memenangi 9 buah kerusi daripada 14 buah kerusi parlimen iaitu Parlimen Gua Musang melalui Tengku Razaleigh Hamzah, Parlimen Kuala Krai melalui Mohd Razali Che Mamat, Machang melalui Sazmi Miah, Parlimen Bachok melalui Dr. Awang Adek Hussein, Parlimen Kota Bharu melalui Zaid Ibrahim, Parlimen Tanah Merah melalui Shaari Hassan, Parlimen Jeli melalui Mustapha Mohamed, Parlimen Pasir Putih melalui Che Min Che Mat, dan Parlimen Ketereh melalui Mohd Alwi Che Amat dengan majoriti antara 1,500 dan 7,000 undi. Prestasi yang ditunjukkan itu adalah luar jangkaan pemikiran para pemimpin UMNO Kelantan telah menyaksikan Kerajaan PAS Kelantan hampir-hampir kehilangan "Kota Darulnaim" buat pertama kalinya.⁷²

Di antara punca kemerosotan undi PAS dalam PRU 2004 ialah; Pertama, keupayaan dan *incincerity* Tun Dr. Mahathir dan pemulihan UMNO pasca PRU 1999 mengecewakan ahli-ahli PAS telah menyumbang kepada keyakinan dan perasaan *feel-good* masyarakat Kelantan kepada UMNO; Kedua, PAS tiada isu luaran apabila parti tersebut terlalu banyak bergantung kepada perpecahan UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1990 serta isu *Anwargate* dalam PRU 1999;

⁷¹Laporan Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 2004 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Umum Malaysia.

⁷²Laporan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Mustapha Mohamad bertarikh 23 April 2004.

Ketiga, Kenyataan berbentuk *blustrering* oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Abdul Hadi Awang seperti kerjasama dengan syaitan, tuhan mencarut, tuhan samseng serta wanita tidak perlu berkerja; Keempat, Kerajaan PAS Kelantan telah gagal membangunkan negeri tersebut; Kelima Masyarakat Melayu Kelantan rata-rata cemas dengan dasar mesra bukan Melayu Kerajaan PAS Kelantan; Keenam; Kerajaan PAS Kelantan merampas tanah yang diterokai oleh masyarakat kampung, menaikkan chukai pintu, menaikkan cukai tanah di antara 200-300 peratus dan pembalakan tanpa kawalan; Ketujuh, Generasi Muda menolak PAS kerana gagal menyediakan peluang perkerjaan; Kelapan; 64 peratus kakitangan kerajaan memihak kepada UMNO; Kesembilan, Peranan wanita diperkecil dan dipersendakan; Kesepuluh; Kerajaan PAS Kelantan gagal menyediakan peluang perniagaan; Kesembilan; Pengundi-pengundi luar Kelantan menuntut perubahan dan pembaharuan; Kesebelas, Gagasan Islam Hadhari berjaya merubah persepsi pengundi terhadap UMNO; Kedua belas; Kelemahan Kerajaan PAS Kelantan dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran; Ketiga belas; ADUN dan Ahli Parlimen PAS mengelak berjumpa pengundi berikutan gagal menunai janji; Keempat belas, Ketiadaan hiburan dan tempat rekreasi menjadi rungutan generasi muda dan menyepikan keceriaan Negeri Kelantan; Kelima belas, Dasar anti pembangunan material Kerajaan PAS Kelantan telah menakutkan pelabur ke Kelantan sekaligus menyempitkan peluang perniagaan.⁷³

Manakala faktor utama kekalahan tipis UMNO Kelantan pula dikatakan berpunca daripada perasaan tidak yakin yang meluas di kalangan para pemimpin parti telah mempengaruhi dan menyebabkan perancangan, strategi dan kesungguhan untuk menang menjadi separuh hati (*half-hearted*), pemakaian strategi kawasan tumpuan menyebabkan banyak kawasan terbiar, melemahkan dan melunturkan momentum gelombang perubahan, peningkatan undi popular UMNO disebabkan anjakan sikap seponatan masyarakat Kelantan sendiri serta tumpuan berlebihan di parlimen tertentu seperti Jeli, Bachok dan Ketereh telah mengorbankan strategi menang keseluruhan negeri.⁷⁴ Selain itu faktor kekalahan tipis UMNO Kelantan berpunca daripada; Pertama, Tiada "*State-wide concerted and coordinated thrust*" untuk menang kerana strategi tumpuan ke parlimen masing-masing. Organisasi di peringkat negeri lemah dan lembab—struktur, sistem, staf, skil dan strategi lemah. Jentera Pilihan Raya UMNO Kelantan

⁷³Laporan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Mustapha Mohamad bertarikh 23 April 2004.

⁷⁴Laporan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Mustapha Mohamad bertarikh 23 April 2004.

bagaikan *"one-man batte tank"*; Kedua, Kelemahan disiplin di kalangan para pemimpin UMNO antaranya kepentingan politik dan agenda peribadi telah mengatasi kepentingan parti dapat dilihat di kalangan para pemimpin UMNO Bahagian Pasir Mas; Ketiga, Pengundi bukan Melayu berbelah-bahagi tetapi *"sophisticated"*. Mereka sangat terpicu dengan pendekatan mesra bukan Melayu Kerajaan PAS Kelantan. ADUN Kota Lama, Annuar Tan Abdullah sangat efektif di peti-peti undi Cina; Ketiga, Pilihan Raya 2004 diadakan terlalu dekat dengan penyusunan semula struktur Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan. Keempat, Kepimpinan parti di peringkat negeri tidak berfungsi dengan mengatur program semasa kempen Pilihan Raya Umum. Kombinasi kelemahan ini menyebabkan kekalahan paling tipis UMNO Kelantan.⁷⁵

Secara rumusan dan kesimpulannya PRU 2004 ialah; Pertama, majoriti masyarakat Kelantan mulai menolak PAS; Kedua, Persaingan ideologi UMNO dan PAS dilihat semakin berkurangan kerana PAS tiada modal dan idea baru pasca pengisytiharan *"Dokumen Negara Islam"* dilihat sebagai strategi lapuk parti tersebut; Ketiga, Pertembungan politik masa depan akan berkisar kepada personaliti calon, kekuatan dan program parti; Keempat, PAS akan mengeksploitasi atau memanipulasikan kesanggupan masyarakat Kelantan berhijrah sebagai amalan Rasulullah S.A.W bagi menjustifikasikan ketiadaan peluang perkerjaan yang menyebabkan penghijrahan; Kelima, Kerajaan PAS Kelantan akan meletakkan bebanan pembangunan ke atas Kerajaan Persekutuan untuk menagih simpati masyarakat. Manakala peranan PAS hanya menekankan akhlak, perangai politik dan moral daripada pengaruh gejala sosial akibat program materialistik pembangunan anjuran UMNO, Keenam, PAS akan meneksploitasikan ADUN-ADUN dan Ahli Parlimen UMNO yang berkhidmat di hujung minggu kerana mengejar kekayaan pada hari lain di Kuala Lumpur.⁷⁶

Peluang UMNO Kelantan untuk menawan Kelantan bertambah cerah, parti itu telah mengemukakan petisyen dengan bantuan dua orang peguam iaitu Mohd Hafarizam Harun dan Mohd Amil Azril Bahari pasca Pilihan Raya Umum 2004. Petisyen tersebut telah dikemukakan

⁷⁵Laporan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Mustapha Mohamad bertarikh 23 April 2004.

⁷⁶Laporan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Mustapha Mohamad bertarikh 23 April 2004.

di Parlimen Pasir Puteh,⁷⁷ DUN Kemuning,⁷⁸ DUN Chempaka,⁷⁹ DUN Kadok,⁸⁰ DUN Kota Lama,⁸¹ DUN Kemahang⁸², DUN Perupok⁸³, DUN Salor,⁸⁴ DUN Pasir Tumboh,⁸⁵ DUN Bukit Panau⁸⁶ dan DUN Tawang.⁸⁷ Walau bagaimanapun peguam-peguam UMNO yang terbabit

⁷⁷Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Kesalahan pengisytiharan keputusan pilihan raya oleh Pengurus Pilihan Raya, Kamaruddin Awang bagi kawasan Parlimen Pasir Puteh. Kamaruddin Awang telah membuat surat pengakuan kepada Pegawai Pilihan Raya Negeri Kelantan pada 23 Mac 2004 yang mengatakan bahawa terdapat kesalahan di dalam perjumlahan undi dan pengisytiharan keputusan pilihan raya bagi Parlimen Pasir Puteh. Temuramah pihak peguam dengan Kamaruddin Awang memperkukuhkan alasan pemfailan petisyen. Realief yang dituntut berdasarkan kepada Seksyen 35 (B) dan (D) Akta Kesalahan Pilihan Raya iaitu: Satu perisytiharan bahawa orang itu (calon lawan) telah tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya telah tidak dilaporkan pilih atau satu tafahus, jika kerusi yang dituntut oleh calon yang tidak Berjaya di atas alasan bahawa dia telah mendapat majoriti undi yang sah di sisi undang-undang.

⁷⁸Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Satu kejadian di mana kertas undi pos untuk seorang pertugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sampai lewat kepada pertugas tersebut dan setelah memangkah pertugas tersebut tidak dapat peluang untuk membuang undi beliau di atas alasan tidak diterima oleh Bilik Gerakan Pilihan Raya Bachok. Dua kejadian apabila saksi yang juga kerani Suruhanjaya Pilihan Raya telah menyatakan kertas undi yang tidak patut diterima oleh Ketua Tempat Mengundi telah diterima sebagai undi yang sah. Satu kesalahan apabila PAS telah membuat barang di dalam kawasan larangan 50 meter. Satu kesalahan apabila "handbill" oleh PAS telah disebar pada hari mengundi.

⁷⁹Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Penyokong telah menyerang Bilik Gerakan BN DUN Chempaka pada pagi hari mengundi. Saksi-saksi yang telah ditemuramah termasuk mereka yang turut serta menyerang bilik gerakan tersebut setelah menerima arahan untuk berbuat kecoh di perkarangan bilik gerakan DUN tersebut; Satu jamuan melibatkan pemilik-pemilik kenderaan bermotor telah berlaku di Stesen Minyak PETRONAS Pulau Melaka apabila seorang saksi yang ditemuramah menyatakan minyak petrol diberikan percuma kepada sesiapa yang memakai bendera, lencana dan lain-lain tanda PAS. Stesen minyak PETRONAS adalah milik Tuan Shabariah Tuan Ishak, isteri kepada Nik Abdul Aziz Nik Mat; Satu kejadian apabila seorang saksi menyatakan bahawa pengundi kurang upaya telah di pengaruhi oleh pertugas SPR.

⁸⁰Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Jamuan telah dilangsungkan oleh calon PAS melibatkan para pengundi yang cenderung mengundi BN; Sogokan yang diberikan agen PAS kepada para pengundi yang dikenal pasti berpotensi untuk mengundi calon BN oleh calon parti lawan; Calon PAS berkempen di kawasan larangan; Pengaruh tidak wajar oleh Timbalan Pendaftar Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS), Che Ibrahim Mohamad yang menimbulkan perasaan takut kepada kakitangan KIAS supaya menyokong PAS dengan ungkapan "Nak Kerja atau tak nak".

⁸¹Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Pengiraan semula undi tidak mengikut peraturan iaitu kertas undi PAS yang telah ditolak telah diterima oleh *Returning Officer* untuk DUN Kota Lama; *Returning Officer* telah melakukan kekerasan fizikal terhadap agen mengundi BN untuk menakutkannya dan menghalang proses pengiraan semula berjalan tanpa halangan; Satu kejadian apabila barung PAS telah didirikan di dalam kawasan larangan.

⁸²Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Borang 14 tidak diberikan oleh Ketua Tempat Mengundi kepada Agen Mengira. Menurut undang-undang, borang 14 yang tidak diberi bukanlah satu kesalahan yang material yang boleh mengubah keputusan pilihan raya; Kesalahan melapor pilih di salah satu peti undi. Setelah warta keputusan diperiksa, di dapati jumlah kekalahan bagi DUN Kemahang adalah kurang daripada apa yang dicatatkan oleh Agen BN.

⁸³Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Satu insiden agen tempat mengundi PAS memakai lencana dan symbol parti di tempat mengundi. Alasan untuk kes ini tidak kuat dan satu insiden tersebut tidak mencukupi untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya kawasan tersebut.

⁸⁴Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Penerimaan kertas undi yang telah ditulis dengan nombor yang disetujui oleh calon-calon Parlimen dan DUN. Alasan untuk kes ini tidak kuat walaupun aduan dapat dibuat oleh pengundi kerana calon parlimen dan DUN telah bersetuju untuk menerima kertas-kertas undi tersebut.

⁸⁵Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Satu insiden alegasi penyamaran berlaku apabila orang lain mengundi bagi pihak orang lain. Pihak Peguam UMNO tidak mendapat bukti yang mencukupi untuk kes ini kerana tidak mengetahui identiti orang yang menyamar.

⁸⁶Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004--Kesalahan perkiraan dan pengumuman keputusan pilihan raya. Pihak peguam UMNO tidak mendapat bukti yang mencukupi untuk kes ini setelah temuramah pertama.

⁸⁷

mencadangkan supaya memfailkan petisyen bagi lima kawasan sahaja. Antaranya Parlimen Pasir Puteh, DUN Kemuning (kalah dengan majoriti 2 undi), DUN Kota Lama (kalah dengan majoriti 34 undi), DUN Kadok (kalah dengan majoriti 711 undi), dan DUN Chempaka (kalah dengan majoriti 3694 undi).⁸⁸ Kelima-lima kawasan tersebut dilihat mempunyai potensi untuk dimenangi oleh calon-calon BN melalui keputusan Mahkamah Tinggi. Berikutan itu PAS telah mewakili kepada ADUN Kijang, Husam Musa untuk mengadakan pertemuan sulit dengan menantu kepada Perdana Menteri Malaysia, Khairy Jamaluddin.⁸⁹ Pertemuan sulit ini telah diadakan diluar pengetahuan Mustapha Mohamad sepatutnya beliau diberitahu senario tersebut berdasarkan statusnya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan. Hasilnya UMNO dan PAS Kelantan telah bersepakat menarik balik kesemua petisyen yang dikemukakan. Penarikan balik ini menyebabkan dominasi PAS dalam Kerajaan Kelantan berkekalan.⁹⁰

Pasca Pilihan Raya Umum 2004, kepimpinan UMNO Kelantan telah bertukar kembali kepada Annuar Musa sebagai Pengerusi Badan Perhubungan dan Dr. Awang Adek Hussien selaku Timbalan Pengerusi Perhubungan. Annuar Musa dan Dr. Awang Adek Hussien telah menamakan Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Ramzi Abdul Rahman sebagai Setiausaha, Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Noor Zahidi Omar sebagai Bendahari, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Ketereh, Mohd Alwi Che Mat sebagai Ketua Penerangan, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Gua Musang, Wan Hazani Mohd Nor sebagai Ketua Pergerakan Wanita, Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Pengkalan Chepa, Dali Hussein sebagai Ketua Pergerakan Pemuda, dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Tumpat, Nik Noriza Nik Salleh sebagai Ketua Pergerakan Puteri. Di samping itu Annuar Musa dan Dr. Awang Adek Hussien telah menamakan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Mohd Nor Yaacob sebagai Penolong Setiausaha, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Mohd Fathmi Che Salleh sebagai Penolong Bendahari, Pemangku Ketua UMNO Bahagian Machang, Ahmad Jazlan Yaakub

Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004—Kejadian apabila ibu-ibu tunggal disogok oleh calon PAS, Hassan Mahmood menggunakan Tabung Serambi Mekah. Selepas ditemuramah, saksi-saksi yang dibawa tidak mengetahui bahawa sogokan yang dilakukan oleh calon PAS dan oleh itu, agak sukar untuk membuktikan sogokan tersebut mempengaruhi undi mereka yang telah disogokan.

⁸⁸ Laporan Bakal Petisyen Pilihan Raya Barisan Nasional Negeri Kelantan 2004.

⁸⁹Pengkaji mengemukakan persoalan pertemuan sulit ini kepada Mustapha Mohamed dan Husam Musa berdasarkan hubungan akses dengan kedua-dua pemimpin ini.

⁹⁰Ibid.

sebagai Penolong Ketua Penerangan. Manakala Ahli Jawatankuasa pula terdiri daripada Ketua UMNO Bahagian Jeli, Mustapha Mohamed, Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim, Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Mohd Nor, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Mohd Zain Ismail, Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Dr. Nik Mohd Zain Nik Omar, Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, Hashim Safin, Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Abdul Rahim Abdul Rahman dan Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian, Mohd Fauzi Ismail. Manakala Ahmad Rosdi Mahmood, Shuhanie Deraman, Khazuni Othman dan Idris Muhammad dilantik sebagai Wakil Pemuda, Wakil Wanita, Wakil Puteri dan Setiausaha Kerja.⁹¹

Dalam PRU 2008 itu kepimpinan UMNO Kelantan dengan manifesto "Tahun Merawat Kelantan" dan "Kelantan Baru Kelantan Maju" telah menonjolkan nama Dr. Awang Adek Hussein selaku bakal Menteri Besar Kelantan menggantikan Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, sekiranya parti itu memerintah Kelantan.⁹² Namun begitu "tsunami politik" telah melanda politik tanahair, mengakibatkan UMNO Kelantan hanya berupaya memenangi dua kerusi Parlimen iaitu Parlimen Gua Musang melalui Tengku Razaleigh serta Parlimen Jeli melalui Mustapha Mohamed dan enam kerusi DUN iaitu DUN Pengkalan Kubor melalui Nor Zaidi Omar, DUN Kok Lanas melalui Mohd Alwi Che Amat, DUN Kemahang melalui Mohd Adham Kechik, DUN Kuala Balah melalui Aziz Derashid, DUN Paloh melalui Norzula Mat Diah, dan DUN Nenggiri melalui Mat Yusoff Abdul Ghani. Kerusi UMNO di DUN Kelantan bertambah satu lagi, apabila calonnya Aziz Yusoff menang dalam Pilihan Raya Kecil DUN Kawasan Galas dalam bulan Oktober 2010.⁹³

Beberapa orang para pemimpin utama UMNO Kelantan telah mengalami kekalahan di luar jangkaan sama sekali antaranya Annuar Musa di Parlimen Ketereh kepada calon PKR, Aziz Kadir, Dr. Awang Adek Hussein di Parlimen Bachok kepada Timbalan Presiden PAS Pusat,

⁹¹Laporan Konvensyen Kemajuan Kelantan 2005 anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan dan Majlis Kemajuan Kelantan di Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian pada 29 & 30 April 2005.

⁹²Strategi menonjolkan Dr. Awang Adek Hussein sebagai Menteri Besar Kelantan dilihat oleh pengkaji sebagai "politik dalam politik" Annuar Musa untuk menghalang kebangkitan Ketua UMNO Bahagian Bachok tersebut daripada keberlangsungan politik.

⁹³Laporan Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 2008 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Umum Malaysia.

Nasharuddin Mat Isa dan DUN Perupok kepada calon PAS, Haji Omar Mohamad, Ramzi Abdul Rahman di DUN Dabong kepada calon PAS, Arifabillah @ Mohd Asri Ibrahim, Fatmi Che Salleh di Parlimen Kota Bharu kepada calon PAS, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, Sazmi Miah di Parlimen Machang kepada calon PKR, Shariffudin Nasution Ismail, Abdul Rahim Abdul Rahman di DUN Chetok kepada calon PAS, Ab. Halim Abdul Rahman, Kamaruddin Mohd Noor di DUN Semerak kepada calon PAS, Wan Hassan Wan Ibrahim, Hashim Saffin di DUN Gual Ipoh kepada calon PAS, Wan Yusoff Wan Mustapha dan Mohd Zain Ismail di DUN Bukit Tunku kepada calon PAS, Abdul Fatah Harun.⁹⁴

Implikasi daripada kekalahan UMNO dalam Pilihan Raya Umum 2008 telah menyaksikan sekali lagi rombakan Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan dengan pelantikan untuk kali keduanya Mustapha Mohamed sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Negeri, Dr. Awang Adek Hussein dikekalkan sebagai Timbalan Pengerusi, Noor Zaidi Omar selaku Setiausaha, Hanafi Mamat selaku Bendahari, Dali Hussein selaku Ketua Penerangan, Annuar Saffian sebagai Ketua Pergerakan Pemuda, Wan Hazani Mohd Nor sebagai Ketua Pergerakan Wanita, dan Nik Noriza Nik Salleh selaku Ketua Pergerakan Puteri. Berbekalkan Slogan "Gelombang Merah", "Acu Try Sepenggal" dan "Tukar" UMNO Kelantan di bawah pimpinan Mustapha Mohamed dengan gandingannya Dr. Awang Adek Hussein, Nor Zaidi Omar, Hanafi Mamat dan Alwi Che Amat telah bertekad untuk menawan kembali Kelantan daripada PAS yang memerintah negeri Pantai Timur itu selama 24 tahun. Namun Pilihan Raya Umum 2013 yang berlangsung pada 5 Mei 2013 telah menyaksikan UMNO Kelantan hanya mampu menawan 12 kerusi DUN dan 5 kerusi Parlimen. Kerusi DUN itu ialah Lanas melalui Mustapha Mohamed, Pengkalan Kubor melalui Noor Zahidi Omar, Kok Lanas melalui Md Alwi Che Amat, Gual Ipoh melalui Mohd Bakri Mustapha, Selising melalui Zulkifli Ali, Semerak melalui Zawawi Othman, Bukit Bunga melalui Mohd Adhan Kechik, Kuala Balah melalui Aziz Derashid, Dabong melalui Ramzi Abdul Rahman, Paloh melalui Norzula Mat Diah, Nenggiri melalui Mat Yusoff Abdul Ghani dan Galas melalui Ab Aziz Yusoff.⁹⁵ Manakala di Parlimen pula, UMNO berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Jeli melalui Mustapha Mohamed dan Gua Musang melalui Tengku Razaleigh Hamzah yang dimenangi dalam Pilihan Raya Umum 2008. Parti itu berjaya menambah 3 kerusi

⁹⁴Laporan Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 2008 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Umum Malaysia.

⁹⁵Laporan Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 2013 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Umum Malaysia.

parlimen lagi iaitu Parlimen Ketereh melalui Annuar Musa, Machang melalui Ahmad Jazlan Yaacob dan Tanah Merah melalui Ikmal Hisham Abdul Aziz dengan masing-masing telah mengalahkan calon-calon PKR.⁹⁶

Pasca PRU13 telah menyaksikan Mustapha Mohamad sekali lagi diberikan tanggung-jawab sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan. Gandingannya bersama Ahmad Jazlan bin Yaakub sebagai Timbalan Pengerusi, Hanafi bin Mamat sebagai Setiausaha, Mohd Fatimi bin Che Salleh sebagai Bendahari, dan Mohd Alwi bin Che Amat selaku Ketua Penerangan telah dilihat sebagai mampu menggugat Kerajaan Kelantan dominasi PAS pada era awalnya. Tambahan pula Kerajaan Kelantan dominasi PAS Kelantan telah memperolehi Menteri Besar baru bagi menggantikan Nik Abdul Aziz Nik Mat. Beliau adalah Ahmad Yaakob, sebelum ini adalah Timbalan Menteri Besar. Pelantikan Ahmad Yaakob sebagai ADUN Pasir Pekan bagi jawatan itu telah dilihat oleh pengkaji sebagai “*de jure*”. Manakala kuasa “*de facto*” ialah Mohd Amar Abdullah sebagai ADUN Panchor sebagai Timbalan Menteri Besar itu dilihat sebagai Menteri Besar Kelantan di masa depan. Pelantikan kedua-dua pemimpin ini bagi pengkaji ibarat “*Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat telah meninggalkan kasut saiz 10 kepada Ahmad Yaakob dan Mohd Amar Abdullah. Kaki kedua-dua pemimpin itu terlalu kecil untuk kasut Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat tinggalkan*” telah memberikan peluang politik kepada UMNO untuk menawan semula Kelantan. Tambahan pula kemenangan parti tersebut dalam PRK DUN Pengkalan Kubor dalam bulan September 2014 telah menaikkan semangat penyokong parti tersebut.⁹⁷ Namun begitu Mustapha Mohamad dilihat telah gagal menggunakan jendela peluang tersebut sepenuhnya. Hal ini telah terbukti dalam PRU14 yang berlangsung pada 9 Mei 2018, apabila UMNO hanya mampu memenangi 7 kerusi DUN iaitu Lanas melalui Mustapha bin Mohamad, Bukit Bunga melalui Mohd Adhan bin Kechik, Kuala Balah melalui Aziz bin Derashid, Kok Lanas melalui Mohd Alwi bin Che Amat, Galas melalui Mohd Syahbuddin bin Hashim, Nenggiri melalui Ab. Aziz bin Yusoff, dan Paloh melalui Amran bin Ariffin. Manakala 5 kerusi parlimen yang dimenangi oleh UMNO adalah sama sebagaimana PRU13 ialah kerusi

⁹⁶Laporan Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 2013 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Umum Malaysia.

⁹⁷PRK DUN Pengkalan Kubor diadakan September 2014 berikutan kematian penyadangnya, Noor Zaidi Omar yang juga Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Kelantan meninggal dunia semasa dirawat di Guangzhou, China. Calon BN-UMNO, Mat Razi Mat Ail berjaya memenangi DUN tersebut dengan memperolehi 9948 undi mengalahkan calon PAS, Wan Rosdi Wan Ibrahim, 7320 undi dan calon Bebas, Izzat Bukhry Ismail Bukhry, 38 undi. Majoriti 2626 undi.

Parlimen Jeli melalui Mustapha bin Mohamad, Gua Musang melalui Tengku Razaleigh bin Hamzah, Ketereh melalui Annuar bin Musa, Machang melalui Ahmad Jazlan bin Yaacob dan Tanah Merah melalui Ikmal Hisham bin Abdul Aziz. Calon-calon berkaliber UMNO antaranya Dr. Awang Adek Hussein (Bachok), Dr. Asyraff Wajidi Dusuki (Pasir Puteh), Abdullah Mat Yassin (Rantau Panjang) dan Mohd Ramzi Abdul Rahman (Kuala Krai) telah mengalami kekalahan.⁹⁸ Kekalahan UMNO Kelantan juga dapat dilihat oleh pengkaji berpunca daripada para pengundi muda di saluran tiga, empat dan lima di peti undi tidak mahu mengundi parti tersebut. Kebanyakan pengundi-pengundi saluran tersebut merupakan para perantau di Lembah Kelang, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Lembah Kinta, Singapura, Tanjung Dawai, Negeri Sembilan, Melaka dan Selatan Johor. Pengundi-pengundi muda ini merupakan kualiti yang agak besar, muda, berpendidikan, berpengetahuan, dan terdedah kepada info-info terkini yang melalui media-sosial seperti *Whaatshaap*, *Facebook*, *Instagram*, *Youtube*, *Google* serta *Line* disebarkan dengan mudah serta meluas. Tambahan pula kajian Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli dan Prof Dr. Muhammad Agus Yusoff yang membuat rumusan dan kesimpulan bahawa UMNO akan menawan Kelantan dalam PRU14. Kajian Rafizi Ramli dan Prof Dr. Mohammad Agus Yusoff ini telah memberikan impak kepada para pengundi muda yang menolak parti tersebut. Sebaliknya berpaling kepada PAS setelah melihat Pakatan Harapan (PH) Kelantan pimpinan Husam Musa (Parti Amanah) sebagai pengerusi, Kamaruddin Mohd Nor (PPBM) dan Aziz Kadir (PKR) dan Irene Tan (DAP) dilihat tidak mempunyai kekuatan jentera pilihan raya yang kukuh, kemampuan kewangan yang terhad, sepanduk dan poster yang berkurangan dan calon-calon yang berwibawa. Dengan erti kata lain para pengundi muda tidak mahu UMNO kembali menguasai pentadbiran Kelantan.⁹⁹ Selain itu UMNO Kelantan dilihat tidak mempunyai kekuatan padu dalam menghadapi PRU14 berdasarkan kepada struktur jentera pilihan raya parti yang diwujudkan. Bagaikan kata perpatih Melayu "*hajat hati memandang pulau, sampan ada, pendayung tiada*", UMNO terpaksa bergantung kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) sebagai talian hayat politik terutamanya untuk mengawal tingkah-laku politik hampir 27,000 warga pendidik dan kakitangannya. Jawatan Pengarah Pelajaran, Timbalan Pengarah, Ketua-Ketua Sektor, Pegawai Pelajaran Daerah, ketua-ketua unit, para pengetua-pengetua sekolah menengah dan guru-guru besar telah digunakan untuk kepentingan

⁹⁸Laporan Pilihan Raya Umum DUN Kelantan 2018 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Umum Malaysia.

⁹⁹Pemerhatian pengkaji dalam PRU14

politik Ketua Bahagian, Ahli Parlimen dan ADUN untuk mengugut para pendidikan dan kakitangan yang menyokong parti lawan. Para warga pendidik dan kakitangan ini akan ditukarkan sekiranya bertindak berlawanan dengan kepentingan UMNO Perhubungan, Bahagian dan Cawangan.¹⁰⁰ Tambahan pula parti tersebut dilihat begitu dominan di Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), Jabatan Kemajuan Masyarakat Malaysia (KEMAS), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Tembakau dan Kenaf Negara (LTKN), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan pelbagai agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Kesemua-semua pengerusi dan lembaga pengarah agensi-agensi disebutkan tadi merupakan para pemimpin UMNO Kelantan. Di antaranya Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Hanafi bin Mamat sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMK, Ketua Penerangan UMNO Kelantan, Mohd Alwi bin Che Amat sebagai Pengerusi KADA, ADUN Bukit Bunga, Mohd Adhan bin Kechik sebagai Pengerusi LTKN, Ketua UMNO Bahagian Bachok, Dr. Awang Adek Hussien sebagai Pengerusi MARA, Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Mohd Ramzi bin Abdul Rahman sebagai Pengerusi KESEDAR serta Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh, Mohd Zawawi Othman sebagai Pengerusi KESEDAR Perkilangan.¹⁰¹ UMNO Kelantan juga dilihat sebagai mempunyai dua proksi atau klik yang bertentangan dalam keberlangsungan politik negeri tersebut. Pertama; proksi atau klik Mustapha bin Mohamad sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan. Kedua; proksi atau klik Annuar bin Musa sebagai Ketua Penerangan UMNO Pusat. Proksi Mustapha bin Mohamad terdiri daripada Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Hanafi bin Mamat, Ketua UMNO Bahagian Bachok, Dr. Awang Adek Hussein, Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, Ikmal Hisham Abdul Aziz, Pemangku Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Mohd Rusdi bin Abdul Aziz dan AJK Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Faizal bin Daud. Manakala proksi Annuar Musa pula terdiri daripada Ketua UMNO Bahagian Machang, Ahmad Jazlan bin Yaacob, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Abdullah bin Mat Yassin, Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Mohd Fatmi bin Che Salleh, Pemangku Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Zaluzi bin Sulaiman, Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh, Mohd Zawawi bin Othman, Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Mohd Raamzi Ab. Rahman dan Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian, Mohamad bin Abdul Ghani. Hanya Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh bin Hamzah dilihat

¹⁰⁰Situasi ini dialami oleh isteri pengkaji sendiri dalam PRU2013.

¹⁰¹Pemerhatian pengkaji dalam PRU14

sebagai berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana proksi atau klik. Proksi-proksi atau klik-klik ini juga turut berkembang di peringkat bahagian dan cawangan telah menimbulkan masalah seperti "cas keting" secara sekaligus menjejaskan peluang politik UMNO menawan Kelantan dalam PRU14. Hal ini telah diakui sendiri oleh Mustapha Mohamad dalam pertemuan khusus dengan pengkaji bahawa beliau telah gagal sebagai pemimpin UMNO Kelantan.¹⁰² Pakatan sulit di antara UMNO-PAS mulai timbul pasca PRU2008, apabila Abdul Hadi bin Awang telah melontarkan idea penubuhan Kerajaan Campuran. Lontaran idea tersebut timbul setelah Presiden PAS menemui jemputan Abdullah Ahmad Badawi. Jemputan itu dilakukan setelah melihat prestasi UMNO mengalami kemerosotan dengan bilangan kerusi yang dimenangnya semakin mengecil dalam PRU2008. Namun begitu lontaran idea tersebut telah mendapat kemarahan yang amat sangat Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan sebahagian besar profesional dalam PAS.¹⁰³ Ekoran itu parti telah berpecah kepada proksi ulama (Geng Ustaz) dan proksi profesional (Geng Anwarinas). Setelah Nik Abdul Aziz Nik Mat meninggal dunia pada 13 Mac 2015, proksi ulama telah berjaya menyingkirkan sebahagian proksi profesional melalui Muktamar Agung PAS di Kuala Selangor melalui bantuan para pemimpin UMNO. Para pemimpin proksi profesional telah menubuhkan Parti Amanah Negara (Amanah) adalah lanjutan Persatuan Ummah Sejahtera Malaysia (PASMA). Pakatan sulit UMNO dan PAS diteruskan oleh Najib Tun Razak dan Abdul Hadi Awang bagi menghadapi PRU14 dengan strategi-strategi politik tertentu tanpa diketahui atau disedari oleh para pemimpin dan ahli di peringkat lokal.¹⁰⁴ PRU14 menyaksikan pertembungan UMNO dan PAS ibarat

¹⁰²Pemerhatian pengkaji dalam PRU14.

¹⁰³Idea penubuhan Kerajaan Perpaduan telah menyebabkan Mursyidul Am PAS Nik Abdul Aziz Nik Mat begitu marah sekali. Beliau bercadang untuk mengadakan Muktamar Khas untuk memecat Presiden PAS, Abdul Hadi Awang, Bendahari PAS Pusat, Mustafa Ali, Pesuruhjaya PAS Selangor, Dr. Hassan Ali, Timbalan Mursyidul Am PAS, Dr. Harun Din, dan Setiausaha Agung PAS PAS Pusat Nasharuddin Mohd Isa. Menteri Besar Kelantan telah menyifatkan kelima-lima pemimpin tertinggi PAS tersebut sebagai "*Kepala Hamla*". Namun hasrat Nik Abdul Aziz Nik Mat tersebut kendur, apabila Abdul Hadi Awang, Mustafa Ali, dan Dr. Harun Din telah memohon maaf serta berjanji tidak membangkitkan penyatuan UMNO dan PAS. Namun begitu Dr. Hassan Ali masih mahu meneruskan kerjasama kedua-dua parti tersebut. Impaknya Pesuruhjaya PAS Selangor tersebut telah dipecat keanggotaan daripada parti tersebut. Manakala Setiausaha Agung PAS Pusat, Nasharuddin Mat Isa pula hampir-hampir dipecat dari parti tersebut selepas Nik Abdul Aziz Nik Mat menyuruhnya keluar dari PAS dan menyertai UMNO serta menganggapnya sebagai "sampah" dalam parti.

¹⁰⁴Mengikut *sedutan daripada dokumen penyata pembela oleh Peguambela kepada Claire Rewcastle Brown—Pemberita Sarawak Report sebagai defeandan* menyatakan para pemimpin kanan PAS dikatakan telah menikmati faedah secara peribadi, menikmati serta mempamerkan kemewahan baru dari wang yang disalurkan ke akaun PAS oleh Najib Tun Razak. Misalnya Dr. Nasharuddin Mat Isa telah menunjukkan kemewahan barunya dengan membeli kenderaan bernilai tidak kurang daripada RM1.5 juta (termasuk BMW 525 berharga RM388,00, Mini Clubman berharga RM230,000, Toyota Vellfire berharga RM290,000, Toyota Camry berharga RM150,000 dan Toyota Fortuner berharga RM200,000. Turut dibeli oleh Mantan Timbalan Presiden PAS tersebut hartanah termasuk rumah di Bangi, Selangor bernilai RM3 juta dibeli dengan wang tunai. Ahli Parlimen PAS dan pemimpin kanan parti telah membeli kereta mewah, rumah serta menikah dengan isteri kedua dan ketiga, membelanjakan wang yang lebih daripada daripada mencukupi, jauh melebihi gaji politik. Timbalan Menteri Besar Kelantan, Amar Abdullah Arshad

”politik dalam politik” atau ”politik wayang”. Di Kelantan pakatan sulit kedua-dua parti ini ternyata memberikan impak negatif kepada UMNO. Manakala PAS Kelantan pula telah berjaya memperolehi ”*political milage*” dalam pakatan sulit tersebut. Ini dapat dilihat daripada kempen-kempen PRU14.

Sementara itu strategi UMNO Kelantan memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan parlimen dan DUN-DUN tertentu untuk dimenangi dalam menghadapi PRU14. Kawasan-kawasan tersebut ialah Parlimen Jeli, Gua Musang, Machang, Tanah Merah, Ketereh, Pasir Putih, Bachok dan Kuala Krai. Dalam memenangi kawasan-kawasan parlimen yang disebut tadi UMNO Kelantan telah melakukan pemindahan para pengundi secara tersusun daripada kawasan-kawasan parlimen Pengkalan Chepa, Kubang Kerian, Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat dan Rantau Panjang. Melalui proses Persempadanan Semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Bagi Negeri Kelantan 2018, UMNO negeri tersebut telah melakukan syor-syor kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya Pusat Daerah Mengundi (PDM) yang dimenangi oleh PAS dengan majoriti besar dipindahkan. Contohnya PDM Kampung Kor, Beta Hulu, Lubuk Jambu, Beta Hilir, Kedai Piah, dan Kampung Padang dahulunya dalam Parlimen Ketereh berpindah kepada Parlimen Kubang Kerian. Pemindahan PDM ini bertujuan untuk menjamin kemenangan Annuar Musa yang menang dengan majoriti kecil dalam PRU13.¹⁰⁵

Pasca PRU 14 menyaksikan bibit-bibit kelemahan atau ketepuan UMNO Kelantan semakin terserlah kelangsungannya. Tunggak-tunggak kekuatan parti terdiri daripada pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan pelbagai agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang merupakan agen-agen dilihat mulai ”berpaling tadah”. Pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan keluar dari UMNO secara beramai-ramai untuk menyertai

telah membeli beberapa buah kereta mewah termasuk Range Rover, Audi 6, Toyota Vellfire dan Toyota Altis serta membina beberapa buah rumah untuk keluarganya. Anak kepada pemimpin PAS, Rohani Hashim Jasim membeli Porche Cayman. Manakala Ketua Penerangan PAS, Khairuddin Aman Razali memberikan isteri keduanya, Norhayati Malek RM500,000 serta kereta Audi Q7 sebagai hadiah. Mantan Ketua Penerangan PAS Nashruddin Hassan Tantawi membeli Toyota Vellfire bernilai RM300,000. Setiausaha Majlis Syura Ulamak, Dr. Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh memperolehi ganjaran Mercedes-Benz mewah dengan nombor plat PAS 9 bernilai RM100,000 dan Audi mewah. Ahli Parlimen Kota Bharu, Takiyuddin Hassan telah membeli sebuah motosikal mewah, beberapa kereta mewah termasuk Volkswagen Passat berharga RM160,000 dengan plat nombor peribadi TAK 11 bernilai sehingga RM100,000. Ketua Dewan Pemuda PAS, Muhammad Khalil Abdul Hadi telah memperolehi ganjaran motosikal mewah BMW. Ketua Dewan Ulamak PAS Pahang, Mokhtar Senik telah membeli Mercedes-Benz dan Toyota mewah.

¹⁰⁵Pemerhatian pengkaji dalam PRU14.

parti-parti PH seperti BERSATU, AMANAH dan PKR. Situasi ini telah menimbulkan impak negatif kepada parti-parti berkenaan dalam urus-tadbir negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia itu. Malah terdapat beberapa pemimpin UMNO Bahagian telah berjaya memimpin BERSATU dan PKR. Misalnya mantan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Che Johan Che Pa berjaya memenangi Ketua Bersatu Bahagian tersebut. Mantan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Mohd Zain Ismail pula berjaya untuk jawatan yang sama dalam BERSATU Bahagian tersebut, meskipun kemenangan tersebut telah dinafikan oleh Jawatankuasa Pemilihan parti tersebut. Dalam PKR Kelantan pula, Mohd Supardi Mohd Nor "orang kuat" UMNO Bahagian Tanah Merah telah dilantik sebagai Pengerusi Perhubungan pasca pemilihan parti tersebut. Beberapa pemimpin-pemimpin UMNO Negeri, Bahagian serta Cawangan telah diberikan kepercayaan dalam parti-parti PH.¹⁰⁶

Pasca PRU14 juga berlaku Pemilihan UMNO yang berlangsung pada 30 Jun 2018 telah menyaksikan dua pemimpin Kelantan iaitu Tengku Razaleigh Hamzah serta Annuar Musa bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti. Namun kedua-dua tokoh tersebut telah mengalami kekalahan. Tengku Razaleigh Hamzah kali kedua bertanding sebagai Presiden hanya mampu memperolehi 30 undi telah kalah kepada Ahmad Zahid Hamidi yang mampu memperolehi 99 undi. Pertandingan tersebut turut melibatkan Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang memperolehi 61 undi serta dua calon-calon lain yang kurang dikenali iaitu Iqbal Maricair dari UMNO Bahagian Bandar Tun Razak dan Mohd Yusoff Musa @ Jamaluddin dari UMNO dari UMNO Bahagian Iskandar Puteri yang gagal memperolehi sebarang undi. "Musuh tradisi" Tengku Razaleigh Hamzah dalam parti iaitulah Annuar Musa pula telah mengalami kekalahan kepada Mohamad Hassan untuk jawatan Timbalan Presiden. Ketua UMNO Bahagian Ketereh tersebut hanya mampu memperolehi 59 undi bebanding Mohamad Hassan, Mantan Menteri Besar Negeri Sembilan yang memperolehi 131 undi. Walau bagaimanapun Dr. Asyraff Wajidi Dusuki menang jawatan Ketua Pemuda UMNO. Mustapha Mohamad, Mohd Alwi Che Ahmad dan Ahmad Jazlan Yaakub telah memenangi AJK Majlis Tertinggi UMNO.¹⁰⁷ Tengku Razaleigh Hamzah kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Jemmah Penasihat UMNO serta Annuar Musa sebagai Setiausaha Agung (Utusan Malaysia 15 Ogos 2018).

¹⁰⁶Pemerhatian pengkaji pasca PRU14

¹⁰⁷Lihat keputusan Pemilihan UMNO 2018-2021 Ahli Majlis Tertinggi UMNO, tarikh cetakan 1 Julai 2018.

Penyusunan semula UMNO Kelantan pasca pemilihan parti itu telah menyaksikan Mustapha Mohamed telah digugurkan sebagai Pengerusi Perhubungan negeri tersebut. Presiden parti yang baru dipilih, Ahmad Zahid Hamidi telah memberikan kepercayaan kepada Ketua UMNO Bahagian Machang Ahmad Jazlan Yaakub untuk mengisi jawatan tersebut. Jawatan Timbalan Pengerusi Perhubungan pula disandang oleh Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Mohd Fatmi Che Salleh. Ketua UMNO Bahagian Kubang Kerian, Mohd Nordin Awang dilantik sebagai Setiausaha Perhubungan. Manakala Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Zulkifli Abdullah dilantik sebagai Bendahari Perhubungan. Ketua UMNO Pasir Puteh, Mohd Zawawi Othman pula dilantik sebagai Ketua Penerangan Perhubungan. Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pasir Mas, Mohd Hairi Mohammad Nor sebagai Ketua Pemuda Perhubungan. Ketua Puteri UMNO Bahagian Kubang Kerian, Nurul Asma Mohd Fauzi sebagai Ketua Puteri Perhubungan. Jawatankuasa Perhubungan pula terdiri daripada Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, Ketua UMNO Bahagian Kuala Krai, Zulkifli Omar, Ketua UMNO Bahagian Jeli, Mustapha Mohamed, Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, Ikmal Hisham Aziz, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Akhbar Salim, Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Abdul Ghani Harun, Ketua UMNO Bahagian Bachok, Mohd Zain Yassin, dan Ketua UMNO Bahagian Ketereh, Annuar Musa (Berita Harian 10 Ogos 2018, Utusan Malaysia 10 Ogos 2018).

UMNO Kelantan telah menerima tamparan paling hebat pada 18 September 2018, apabila Mustapha Mohamad telah mengumumkan keluar dari parti tersebut untuk menyertai PPBM tidak lama kemudiannya.¹⁰⁸ Turut sama berbuat demikian ialah Ahli Parlimen Tanah Merah Ikmal Hisham Abdul Aziz yang dilihat sebagai penyokong kuatnya. Beberapa kenyataan-kenyataan akhbar telah dikemukakan oleh Ahli Parlimen Jeli serta ADUN Lanas tersebut sebagai menyokong tindakannya.¹⁰⁹ Namun daripada sumber yang dipercayai punca utama, Mustapha

¹⁰⁸Mustapha Mohamed memberitahu pengkaji, rasa tidak puas hati beliau kepada Mantan Presiden UMNO, Najib Tun Razak berpunca daripada penggunaan dana Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dalam projek talian paip gas di Sabah sebagai punca utama beliau mengumumkan keluar dari UMNO.

¹⁰⁹Berikut adalah kenyataan penuh Mustapha Mohamed dalam Malaysiakini bertarikh 17 September 2018; Pertama Semenjak PRU14 melabuhkan tirai, seperti orang lain, juga, saya telah melakukan pemerhatian tentang kelangsungan politik negara, hala tuju UMNO, BN serta masa depan negara; Kedua, Berdasarkan kepada beberapa perkembangan mutakhir ini, saya berpandangan bahawa usaha-usaha ke arah memulihkan defisit kepercayaan dan imej parti semakin sukar. Tiada tanda-tanda bahawa majoriti masyarakat berbilang kaum, bangsa serta agama akan kembali menyakini perjuangan parti; Ketiga, Untuk menjadi relevan dalam dinamika kelangsungan politik kontemporari, UMNO selaku tunggal BN tidak boleh bergantung kepada orang Melayu dan Bumiputera semata-mata; Keempat, Secara prinsipnya, pendirian politik saya adalah UMNO harus menjadi sebuah parti yang inklusif, moderat serta berhaluan tengah. UMNO mesti terus memperjuangkan kepentingan Bumiputera dan Islam, namun tanpa

Mohamad menyertai "Parti Bunga Raya" kerana dikatakan terpaksa akur kepada tokoh politik berpengaruh negara, Tun Daim Zainuddin yang berbincang selama dua jam, sebelum mengumumkan keluar dari UMNO yang disertainya 40 tahun lalu. Ini memandangkan kelangsungan politik beliau banyak dibantu oleh mantan Menteri Kewangan Malaysia khususnya di era 90-an (Malaysiakini 18 September 2020). Mustapha Mohamed juga mempunyai hubungan kekerabatan dengan Tun Daim Zainuddin melalui isterinya, Khamarzan Ahmad Meah. Tambahan pula terdapat desas-desus menyatakan dalam PRU14, Mustapha Mohamed dikatakan telah memasukkan "wang sumbangan pilihanraya" kepada UMNO Kelantan ke dalam akaun isterinya. Faktor ini dikatakan menyebabkan beliau terpaksa menyertai PPBM sebagai strategi menyelamatkan kelangsungan politiknya daripada terkubur hayatnya.¹¹⁰

Setahun pasca PRU14, UMNO dan PAS telah mengisytiharkan pembentukan Muafakat Nasional (MN) pada 14 September 2019 secara terbuka, walaupun sebelum ini "pakatan sulit" tersebut telah cuba dinafikan oleh para pemimpin PAS khususnya di Kelantan. Pembentukan MN ini telah ditandatangani di PWTC oleh Presiden UMNO, Ahmad Zahid Hamidi dan Presiden PAS, Abdul Hadi Awang dengan disaksikan oleh Setiausaha Agung kedua-dua parti tersebut.¹¹¹ Pembentukan MN ini dilihat sebagai tidak memberikan "*political milage*" kepada UMNO Kelantan. Parti tersebut bagaikan "kucing jatuh anak" berikutan para pemimpinnya seperti Ahmad Jazlan Yaacob, Mohd Fatmi Che Salleh, Nordin Awang, Zulkifli Abdullah, Mohd Zawawi Othman, Nur Hairi Mohammad Nor, Nurul Asma Mohd Fauzi serta Jawatankuasa Badan Perhubungan Negeri. Para pemimpin UMNO Kelantan yang disebutkan tadi dilihat sebagai tidak mempunyai daya kepimpinan dalam tabir-urus kelangsungan politik negeri tersebut

seseekali mengenyepikan kepentingan kaum dan agama lain. Saya percaya bahawa inilah jalan terbaik dalam kerangka negara Malaysia yang majmuk. Kelima, namun pada pandangan saya, hala tuju yang diambil UMNO kontemporari tidak selari dengan prinsip politik yang menjadi pegangan saya selama ini dan tidak ada banyak usaha yang menyakinkan bahawa proses rejuvenasi parti telah bermula; Keenam; maka atas dasar inilah, setelah bermuhasabah dan memikir sedalamnya, saya mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai ahli UMNO setelah lebih 40 tahun berkhidmat untuk parti ini; Ketujuh, Saya ingin mengucapkan terimakasih kepada sahabat-sahabat dari Jeli, Kelantan dan seluruh negara yang banyak membantu sepanjang berkhidmat untuk UMNO, dari kepimpinan parti sehingga akar umbi. In Sha Allah saya akan terus menyumbang buah fikiran ke arah membangunkan sebuah negara Malaysia yang terbilang; Kelapan, Saya mendoakan agar negara kita akan terus aman, makmur dan disegani di peringkat antarabangsa. Semoga lembaran baharu Malaysia akan mewujudkan budaya politik matang dan inklusif, di samping meletakkan tabir urus serta integriti sebagai keutamaan. Sudah tiba masanya semua pihak tanpa mengira fahaman politik dapat mencari satu titik persamaan demi kepentingan rakyat. Kepada Allah SWT jua kita berserah.

¹¹⁰Kajian pengkaji di kalangan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO Kelantan.

¹¹¹

Kenyataan Media Muafakat Nasional oleh Setiausaha Agung UMNO, Annuar Musa dan Setiausaha Agung PAS, Takiyuddin Hassan bertarikh 14 September 2020.

terutamanya dalam pengagihan kontrak-kontrak pembangunan sebagaimana para pemimpin sebelumnya. Situasi ini dapat dibuktikan berdasarkan prestasi serta pencapaian para pemimpin berkenaan dalam PRU14.¹¹²

Tambahan peletakan jawatan Tun Dr. Mahathir Mohammad sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 24 Februari 2020 telah menyebabkan Kerajaan PH telah mengalami kejatuhan secara total.¹¹³ Peletakan jawatan tersebut dilihat sebagai "politik dalam politik" untuk menyingkirkan kemaraan Anwar Ibrahim daripada menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia sebagaimana persefahaman PH dalam menghadapi PRU14.¹¹⁴ Pembentukan Kerajaan Perikatan Nasional (PN) melalui "Langkah Sheraton" dengan Presiden PPBM, Muhyuddin Yassin telah diisytiharkan sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelapan pada 10 Mac 2017. Pengisytiharan ini telah memberikan peluang politik kepada Annuar Musa untuk meningkat dalam hierarki kepimpinan politik negara.¹¹⁵ Beliau telah dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dalam kabinet Muhyuddin Yassin. Namun status jawatan tersebut dilihat oleh pengkaji sebagai isyarat mengurangkan keterlibatan Annuar Musa dalam kelangsungan politik UMNO Kelantan secara jangka panjang. Secara tidak langsung menjejaskan aktiviti-aktiviti parti tersebut mulai mengalami "ketepuan" di peringkat Cawangan, Bahagian dan Perhubungan di negeri Pantai Timur Semenanjung tersebut.¹¹⁶

RUMUSAN

Sudah menjadi suatu tradisi bahawa kelangsungan kepimpinan UMNO Kelantan adalah yang paling mencipta masalah-masalah, lemah serta kurang efektif sekali di Malaysia. Hakikat ini terpaksa diterima oleh para pemimpin UMNO Kelantan yang sentiasa berada dalam situasi bergolak bermula era awal penubuhannya sehingga era kontemoprari. Pergolakan bermula daripada peringkat cawangan, bahagian, dan perhubungan merupakan faktor "duri dalam daging"

¹¹²Pemerhatian kajian secara ikut serta.

¹¹³Kenyataan Media Munfakat Nasional oleh Setiausaha Agung UMNO, Annuar Musa dan Setiausaha Agung PAS, Takiyuddin Hassan bertarikh 28 Februari 2020.

¹¹⁴Temuramah pengkaji dengan Tengku Razaleigh Hamzah pada bulan Disember 2019.

¹¹⁵Kenyataan Media UMNO Malaysia oleh Setiausaha Agung UMNO, Annuar Musa. tt.

¹¹⁶

Pemerhatian ikut serta pengkaji.

atau "barah" yang amat sukar diubati sehingga kontemporari. Faktor yang melanda kepimpinan UMNO Kelantan itu adalah akibat perbuatan para pemimpinnya yang tamak, sering atau sengaja mencipta masalah, tidak kompeten, cetek ilmu, malas, sempit pengalaman, tidak amanah, tidak jujur, dengki, khianat, politik adu-domba, kronisme, kiksme, nepotisme, cas keting, tumbok rusuk, dan sebagainya. Malah setengah-tengah para pemimpin UMNO Kelantan dilihat sebagai "Don King" dalam mencipta *political milage*.

Faktor-faktor yang disebut di atas menyebabkan pemimpin-pemimpin UMNO di Kelantan dilihat sebagai hanya berminat mendapatkan kuasa, kekayaan, dan ekonomi peribadinya, berbanding dengan "nilai sebuah perjuangan" dalam parti tersebut. Kemahiran yang ada kepada pemimpin-pemimpin UMNO Kelantan yang boleh dibanggakan ialah "mengamalkan politik telunjuk lurus kelingkingnya berkait" dengan mengkritik pihak lawan setelah disingkirkan dalam pilihan raya sehingga semua kenegatifan pemimpin pelapis atau pihak lawan didedahkan secara terbuka kepada masyarakat umum, tetapi pemimpin tersebut tidak boleh memberi bukti ketika berkuasa dahulu. Dengan itu, kenegatifan yang ditohmahkan kepada pemimpin pelapis dan pihak lawan pada hakikatnya mencirikan kenegatifan pemimpin itu sendiri. Pemimpin tersebut tidak berbuat apa-apa ketika berkuasa, kecuali mengutamakan ekonomi peribadi serta kroni-kroninya. Penyelidik berpendapat faktor tersebut di atas menjadi punca kemunduran, kegagalan, UMNO Kelantan yang memperlihatkan bahawa isu pembangunan adalah suatu "*political games*" yang mengasyikkan ketua-ketua bahagian dalam parti itu, di samping untuk memancing undi dalam setiap pilihan raya umum. Isu pembangunan dijadikan senjata ampuh oleh kepimpinan UMNO Kelantan untuk mengkritik PAS, bukannya senjata yang membawa kemakmuran kepada masyarakat Kelantan umumnya. Situasi menyebabkan Kelantan merupakan negeri yang mundur kerana dipulaukan oleh barisan kepimpinan UMNO yang berkuasa di peringkat pusat dan *masginalization* di peringkat negeri.

Pemuluan yang diterima itu menjadikan masyarakat Kelantan sebagai sebuah masyarakat yang sanggup dan berani menerima risiko, mempunyai *esprit de corp* dan bertindak menentang arus dengan memberikan kekuasaan kepada PAS untuk menubuhkan kerajaan selama 43 tahun, berbanding dengan UMNO yang hanya berkuasa selama 16 tahun sahaja. Kekuatan PAS di Kelantan banyak bergantung kepada kemelut-kemelut politik kepimpinan UMNO Kelantan itu

sendiri. Impak daripada kemelut-kemelut politik setengah-tengah pemimpin UMNO Kelantan seperti imej, perwatakan, personaliti, persimbolan politik yang kurang baik dan berpecah sesama sendiri menyebabkan kepimpinan UMNO Kelantan gagal berdikari untuk menyelesaikan konflik dalaman parti, sehingga terpaksa mengundang pemimpin-pemimpin luaran seperti Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr. Mahathir Mohamad, dan Wan Kadir Ismail untuk menghadirkan diri sebagai “*de jure*” bagi mengetuai kepimpinan UMNO Kelantan buat beberapa ketika serta mententeramkan situasi parti tersebut yang sentiasa bergolak serta pernah berkubur dalam kelangsungan politik Kelantan. Melalui kehadiran keempat-empat pemimpin-pemimpin itu masyarakat Kelantan diharapkan kepimpinan UMNO akan memberikan sokongan padu kepada parti itu dalam usaha menawan Kelantan.

Oleh itu tugas untuk menekan PAS adalah terletak di bahu kepimpinan UMNO pusat, tetapi, meskipun hal ini tidaklah sampai ke tahap kepimpinan UMNO Kelantan kehilangan kuasanya. Walau bagaimanapun, situasi mulai berubah selepas pertengahan tahun 1970-an. Tugas menekan Kerajaan PAS Kelantan diambil alih sepenuhnya oleh kepimpinan UMNO negeri. Dalam ikatan yang longgar di antara kedua-dua parti, kepimpinan UMNO Kelantan mempunyai autonomi sepenuhnya dalam melaksanakan pelbagai strategi dan program bertindak bagi tujuan mengambil alih pemerintahan negeri tersebut. Tengku Razaleigh Hamzah sebagai pemimpin yang mempunyai cita-cita politik yang tinggi, berwibawa serta menjadi *patronage* kepada UMNO Kelantan, maka suatu dasar pembangunan dan tindakan yang berorientasikan diskriminasi kelangsungan politik positif dilaksanakan di negeri itu. Melalui pendekatan yang baharu ini kepimpinan UMNO Kelantan sendiri menguruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan sama ada projek tersebut dipersetujui ataupun tidak oleh kerajaan PAS Kelantan.

Melalui cara ini, kepimpinan UMNO Kelantan secara tidak langsung telah mempolitikkan pembangunan agar kredit ataupun penghargaan masyarakat Kelantan berpihak kepadanya. Secara tidak langsung menyebabkan kepimpinan UMNO Kelantan mulai diterima oleh masyarakat, sekali gus memberikan *window of opportunity* kepada parti itu membentuk kerajaan negeri pada Pilihan Raya Umum 1978 setelah menunggu selama 18 tahun. Walau bagaimanapun, kejayaan menawan Kelantan berpunca daripada faktor Tengku Razaleigh Hamzah tidak bertahan lama. Perselisihan peribadi di kalangan kepimpinan UMNO Kelantan menyebabkan parti berkenaan kehilangan jendela peluang *window of opportunity* untuk menyediakan pemimpin

pelapis, merancang strategi serta program bertindak yang dapat memenuhi nilai dan citarasa masyarakat tempatan, serta tidak pula bertentangan dengan budaya politik mereka.

Sebaliknya, setiap tindakan kepimpinan UMNO negeri telah dilihat oleh masyarakat terbanyak sebagai persambungan kepada kehendak pihak atasan. Akibatnya, kepimpinan UMNO Kelantan menjadi semakin jauh daripada masyarakat Kelantan. Oleh itu, apabila kedua-dua nilai yang berbeza ini bertembung dalam Pilihan Raya Umum 1990, maka kepimpinan UMNO Kelantan mulai dipinggirkan secara total oleh masyarakat Kelantan. Sesungguhnya tidak ada yang luar biasa tentang status kepimpinan UMNO Kelantan hari ini. Kepimpinan parti pernah menghadapi detik-detik kejatuhan dalam tahun-tahun 1960-an sebaik sahaja tewas di tangan PAS dalam Pilihan Raya Umum 1959. Di antara alasan yang diberikan atas kelemahan kepimpinan UMNO ketika itu ialah konflik dalaman dan situasi berpecah-belah yang sedang melanda parti. Sekarang dakwaan yang serupa sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam tahun-tahun 1960-an itu masih berlaku. Perpecahan terjadi dalam kepimpinan UMNO sendiri. Ada pihak yang mendakwa daripada kumpulan yang berketuakan Mustapha Mohamad; ada yang menjadi proksi dan memihak kepada Tengku Razaleigh Hamzah; ada yang berpihak pada Annuar Musa, malah ada lagi yang lain. Budaya perpuakan dalam kepimpinan UMNO Kelantan adalah faktor yang menghalang kemenangan parti itu di negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia itu.

RUJUKAN

- Alias Mohamed. 1977. *Intelijensia Melayu Kelantan: Satu pandangan awal*. Kuala Lumpur: Chip Seng Trading Sdn. Bhd.
- Azwan Zakaria. 2011. Sejarah perkembangan UMNO: Cabaran dan konflik di Kelantan dari tahun 1999 hingga 2008. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian 2002: 2 April.
- Biro Analisis Politik Strategic Info Research Development. 2000. Dilema UMNO: Analisa Pilihan Raya UMNO 1999. Kuala Lumpur: Biro Analisis Politik Strategic Info Research Development.
- Farish A. Noor. 2004. The historical development of Pan-Malaysia Islamic Party (PAS): 1951-2003. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Hassan Harun. 1999. *Kelantan: Rakyat dinamik, negeri semakin ketinggalan*. Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd.
- Kessler, Clive. 1978. *Islam and politics in Malay state, Kelantan 1838-1969*. Ithaca: Cornell.
- Kamaruddin Mohd. Zakaria. 1986/87. Krisis politik Kelantan: Satu analisa faktor-faktor kejatuhan PAS. Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Zaman Haji Yusoff. 2013. PAS dalam era kepimpinan Ulama 1982-2004. Thesis kedoktoran, Universiti Malaya.
- Mohammad Ali Mohamed. 1976. Sejarah perkembangan dan perjuangan UMNO Kelantan 1955-1959, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohammad Agus Yusoff. 1993. Selepas Pilihan Raya Umum 1990: Pengalaman Kelantan. Dlm. Hairany Nafis (pnyt.). *Amalan politik Malaysia*, hlm. 24-39. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff. 1994. *Politik Kelantan selepas Pilihan Raya 1990*. Terbitan Tak Berkala, Dunia Melayu No. 13, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff (pnyt.). 1995a. *Perkembangan dan perubahan sosio-politik_Kelantan 1955-1995*. Bangi Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff. 1995b. Pilihan Raya Umum 1990: Mengapakah rakyat Kelantan menolak Barisan Nasional. Dlm. Mohammad Agus Yusoff (pnyt.). *Perkembangan dan perubahan sosio-politik Kelantan, 1955-1995*, hlm. 51-66. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff. 2006. *Malaysian federalism: Conflict or consensus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali Kamarudin. 2004. Penaungan dalam kepimpinan politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Fikeri Ab. Rahman. 2009. Pilihan Raya Umum 2008: Analisis pencapaian PAS di Kelantan. Latihan Ilmiah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Noor Yaacob. 2004. *Ku Li di pinggaran*. Kota Bharu: Creative Promotion.
- Mohd Zain Saleh. 1985. *Sejarah UMNO Kelantan*. Kota Bharu: Jawatankuasa Penerangan UMNO Kelantan.
- Mustafa Ahmad. 2001. Kemerosotan dan Kejatuhan Kerajaan PAS Kelantan Tahun 1974-1978. Kertas Projek, Program sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Mustafa Ahmad. 2002. Tengku Razaleigh Hamzah: Kepimpinannya Dalam Politik Kelantan. Program Sains Politik. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Mustafa Ahmad. 2009. Kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah Dalam Politik Kelantan. Tesis Sarjana Falsafah (Sains Politik), Program Sains Politik. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Mustafa Ahmad. 2014. Politik Kelantan Zaman Barisan Nasional (1974-1990). Tesis Kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh. 1986. Tentang Orang-orang Melayu Terhadap Malayan Union. *Warisan Kelantan V*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan.
- Nur Azuki Yusoff. 2006. Institut berorietasikan Islam di bawah Permodalan Kelantan Berhad: Analisis penerimaan masyarakat majmuk Kota Bharu, Kelantan. Thesis kedoktoran Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. 1978. *UMNO: Organisasi dan kegiatan politik 1946-1951*. Kota Bharu: Mohd Nawi Book.
- Ranjit Gill. 1986. *Razaleigh: An unending quest*. Petaling Jaya: Pelanduk.
- Ranjit Gill. 1987. *Razaleigh: Cita-cita dan perjuangan*. Petaling Jaya: Pelanduk.
- Rosmaini Yusoff. 1996/97. Sejarah penubuhan dan perkembangan UMNO Kelantan. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Imran Wan Abdul Rahman. 1996. *Krisis Politik Kelantan, salah siapa: Sultan? Semangat 46? Atau PAS?* Kota Bharu: Percetakan Nik Daud Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin Che Will. 1977. UMNO Kelantan: 1949-1974: Satu kajian tentang sejarah perjuangannya. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur.